



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6093]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6113]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 29 hingga B. 34 [Ruangan 6114]

Kepala B. 35 hingga B. 37 [Ruangan 6118]

Kepala B. 38 hingga B. 40 [Ruangan 6146]

Kepala B. 41 [Ruangan 6149]

Kepala B. 42 dan B. 43 [Ruangan 6177]

Kepala B. 44 hingga B. 49 [Ruangan 6189]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974:

Jawatankuasa—

Kepala P. 29 hingga P. 31 dan P. 34 [Ruangan 6114]

Kepala P. 35 hingga P. 37 [Ruangan 6118]

Kepala P. 41 [Ruangan 6149]

Kepala P. 42 dan P. 43 [Ruangan 6177]

Kepala P. 44, P. 47 dan P. 49 [Ruangan 6189]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6113]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Rabu, 16hb Januari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- ” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.K. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BAHASA MALAYSIA— LANTIKAN JAWATAN

1. Tuan Tai Kuan Yang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa calon-calon yang gagal Bahasa Malaysia dalam satu-satu peperiksaan tidak dipertimbangkan untuk pekerjaan walaupun mereka lulus dalam Bahasa Malaysia sebagai kertas tambahan dalam peperiksaan yang berikutnya, dan jika ya, samada beliau akan mengeluarkan arahan supaya calon-calon seperti ini diberi peluang yang sama untuk mendapat pekerjaan memerlukan lulus dalam Bahasa Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan bahawa dalam sesuatu urusan perlantikan ke sesuatu jawatan yang berkehendakkan kelulusan Bahasa Malaysia sebagai satu daripada kelayakan masuk, calon-calon yang tidak memiliki kelayakan Bahasa Malaysia pada masa urusan perlantikan itu diadakan tidak dapat dipertimbangkan untuk perlantikan kerana mereka tidak mempunyai syarat kelulusan yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, apabila calon-calon tersebut memiliki kelulusan Bahasa Malaysia bolehlah meminta untuk dipertimbangkan kepada jawatan yang berkenaan apabila sampai masanya.

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

2. Tuan Hashim bin Gera minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat telah menjalankan kajian mengenai kelemahan-kelemahan sesuatu Negeri dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kedua dan jika ya, samada kelambatan mencapai kejayaan disebabkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak cekap atau Pemimpin politik dari parti yang memerintah dan apa tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, Dewan ini baru-baru ini telah meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua.

Kajian ini adalah satu kajian lengkap yang meliputi segala aspek-aspek pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua di peringkat separuh penggal dan ianya termasuklah kajian mengenai kelemahan-kelemahan sesuatu negeri dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Hasil daripada kajian itu adalah nyata sekali bahawa kita telah mencapai kemajuan yang besar dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, bukan bagi setengah-setengah projek kejayaan yang telah dicapai itu melebihi daripada yang telah dirancangkan dahulu.

Walaupun bagaimanapun seperti yang saya telah sebutkan beberapa kali dahulu, Kerajaan Pusat akan terus mengikuti kemajuan di negeri-negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Negeri dan jika didapati apa-apa kelemahan dalam Jentera Pelaksanaan, maka pihak Kerajaan Pusat akan menolong membaikinya ataupun memberi apa-apa jua bantuan bagi melicinkan jentera tersebut.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benar, saya mengaku bahawa dalam Buku Kajian Rancangan Malaysia Kedua itu ada menunjukkan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh negeri di Malaysia Barat ini, tetapi ada di antara negeri itu yang sebenarnya tidak memenuhi hasrat-hasrat dan tujuan Rancangan Malaysia Kedua bagi membasmi kemiskinan dan menghapuskan perbezaan orang yang berada dan orang yang tidak berada. Di sebuah negeri di Malaysia Barat ini iaitu tidak adapun rancangan dibuat untuk faedah rakyat di luarbandar. Pada pendapat saya kesalahan itu adalah disebabkan oleh pegawai-pegawai, bukannya pegawai Kerajaan, tetapi parti politik yang memerintah negeri itu. Soalan saya ini saya hadapkan ialah kepada Negeri Perak. Adakah Kerajaan Pusat sedar Pegawai-pegawai parti politik yang memerintah negeri itu seolah-olah mereka itu tukang kayu, tetapi diberikan dia menjadi tukang emas, dia tidak dapat membezakan serbuk kayu dengan serbuk emas, maka menjadikan negeri itu ketinggalan kemajuannya. Adakah tindakan dibuat oleh Perdana Menteri kepada

negeri itu yang masih ketinggalan lagi, pembukaan tanahnya, kemajuan orang kampungnya, masih dibiarkan lagi. Apakah tindakan yang akan dibuat kepada negeri itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat ini tidak cukup faham berkenaan dengan perkara ini. Saya telah terangkan tadi Rancangan Malaysia Kedua ialah meliputi semua negeri di Malaysia termasuk Negeri Perak. Jadi, saya kata tadi kalau ada kelemahan-kelemahan itu kita dapat perbaiki daripada satu masa ke satu masa. Tentu tidak adil bagi Ahli Yang Berhormat mengatakan pegawai-pegawai Kerajaan yang saya tahu kebanyakan menjalankan tugas dengan memuaskan, menyebutkan yang mereka itu sebagai tukang kayu tidak menjalankan pekerjaan. Kalau ada kelemahan mana-mana, kita dapat membaiki daripada satu masa ke satu masa. Masalah membasmi kemiskinan dan hendak mengurangkan perbezaan di antara orang yang berada dengan tidak berada tentulah tidak dapat dilaksanakan dalam masa dua tahun atau tiga tahun. Seperti saya telah terangkan ini akan mengambil masa lanjut sedikit, tetapi rancangan-rancangan dalam tiga tahun yang kita sediakan itu telah dilaksanakan dengan memuaskan.

Tuan Hashim bin Gera: Dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membandingkan kemajuan yang telah dicapai di negeri Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan jika dibandingkan dengan Kerajaan Negeri Perak pada hari ini yang masih lagi rakyat di luar bandaraya ketinggalan, tidak ada satupun pembukaan bandar-bandar baru sebagaimana yang dibuat oleh Yang Berhormat dalam Negeri Pahang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kemajuan satu-satu negeri itu barangkali adalah berlainan sedikit sebab dahulu negeri-negeri di Malaysia ini iaitu Malaysia Barat atau Malaysia Timur adalah berbeza kemajuannya. Misalnya, Negeri Perak telah lebih maju dan ada banyak bandar daripada negeri Pahang. Jadi dengan sebab itu masalah hendak menubuhkan bandar baru tidaklah begitu penting. Negeri Pahang, negeri yang mundur, kurang bandar, banyak tanah yang kosong, luas, jadi disitulah ditumpukan usaha mendirikan bandar-bandar baru. Saya berharap tidak lama lagi di

kawasan Seberang Perak (Trans-Perak) kita akan dapat menubuhkan dua tiga bandar baru di situ kerana ada rancangan-rancangan yang ditentukan bagi kawasan itu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui ada sebuah pelabuhan di Negeri Perak bernama Telok Anson. Pada zaman Kerajaan British dahulu Telok Anson sebuah bandar pelabuhan yang terkemuka ada jalanraya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu sedikit soalan tambahan itu seelok-eloknya berkenaan dengan jawapan yang diberi baru-baru ini. Bukan soalan tambahan itu sudah teratur semua, buat satu-satu diterangkan, lepas duduk—bangun, lepas duduk bangun, tidak boleh begitu; berkenaan dengan jawapan yang baru sahaja diberi.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak cekap. Di dalam kawasan saya, Larut Selatan, di pekan Taiping ada satu rancangan bernama Rancangan Kampung Haji. Kerajaan beri tanah di situ untuk rakyat di kawasan tersebut buat rumah, wang sudah dibayar, premium semuanya sudah dibayar, tetapi kawasan itu masih lagi hutan. Bilakah rancangan di kawasan saya boleh dijalankan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri saya keterangan-keterangan mengenai rancangan ini, saya boleh siasat atas perkara ini. Kalau betul seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada kelambatan atau kelalaian, perkara ini akan diperbaiki.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya ada bawa masalah Rancangan Kampung Haji dan sampai sekarang belum dijalankan, itu sebabnya saya bawa lagi sekali. Soalan saya bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan Rancangan Kampung Haji boleh dijalankan masa akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi kalau diberi keterangan-keterangan, kita boleh siasat rancangan ini.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran tanah ialah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri oleh sebab itu Kerajaan Pusat tidak mahu campurtangan berkenaan dengan hal ini. Tetapi satu kelemahan yang teruk sangat ialah dibidang pertukaran-pertukaran tanah pertanian untuk tanah perbandaran. Itu satu masaalah dan masaalah yang kedua ialah sangat teruk juga ialah mengeluarkan geran atau title bagi tanah yang telah di subdivided—dipotong, inilah yang menghalang kemajuan-kemajuan di kebanyakan negeri di negara kita. Bolehkan Kerajaan Pusat menimbang satu cara bagaimana kita boleh mengatasi masaalah-masaalah ini yang sudah lama dihadapi di negeri kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan bahawa masaalah tanah ini ialah kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat hanyalah boleh menolong atas perkara ini dan langkah-langkah telah diambil untuk mempercepat lagi pentadbiran tanah dengan melatih pegawai-pegawai dan dengan menambah lagi pegawai-pegawai di mana difikirkan kurang pegawai. Perkara ini sentiasalah diawasi, dan saya percaya masaalah-masaalah ini dapat diatasi daripada satu masa ke satu masa.

HARGA BERAS

3. Tuan Edwin anak Tangkun (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengenakan suatu pembekuan sementara harga jualan beras untuk mengurangkan penganiayaan terhadap pengguna-pengguna Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham dengan maksud "pembekuan sementara harga jualan beras untuk mengurangkan penganiayaan terhadap pengguna-pengguna Malaysia." Kalau bertujuan untuk menetapkan harga beras, saya telah menghuraikan masaalah ini dalam Dewan ini beberapa lama dahulu.

ISTILAH MALAYSIA BARAT/ MALAYSIA TIMUR

4. Dr S. Seevaratnam (di bawah S.O. 24 (2)) minta Peguam Negara menyatakan:

- (i) istilah-istilah yang betul bagi panggilan kawasan yang dahulunya disebut sebagai Persekutuan Tanah Melayu

dan Negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak kerana didapati bahawa istilah-istilah yang digunakan sekarang tidak tetap dan mengelirukan, dan beri sebab-sebab penerimaan istilah-istilah itu;

- (ii) apakah kesan-kesan buruk ke atas seluruh negara dengan menggunakan istilah-istilah Malaysia Barat bagi Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia Timur bagi Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) samada kegunaan mana-mana istilah itu tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Mengikut dengan tepatnya apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, Negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang dahulu adalah dikenali sebagai Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak pula dikenali sebagai Negeri-negeri Borneo.
- (ii) Penggunaan perkataan-perkataan "Malaysia Barat" dan "Malaysia Timur" tidak memberi kesan yang tidak baik kepada negara pada keseluruhannya.
- (iii) Perkataan-perkataan itu tidak dengan apa-apa cara pun bercanggah dengan Perlembagaan kita oleh kerana perkataan-perkataan itu digunakan hanya untuk menunjukkan kedudukan Negeri-negeri dari segi ilmu alam, dan boleh digunakan sebagai alternative bagi mengganti "Negeri-negeri Tanah Melayu" dan "Negeri-negeri Borneo".

JURUTERBANG T.U.D.M.— KEKURANGAN

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada benar T.U.D.M. mengalami kekurangan juruterbang dan sebab-sebabnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masaalah ini dan tidakkah kekurangan ini menjejaskan rancangan perkembangan angkatan tentera kita.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jikalau perkataan kurang dalam soalan ini bermakna tidak ada cukup juruterbang-juruterbang untuk menerbangkan kapal-terbang ini adalah tidak benar. Kita ada cukup bilangan juruterbang untuk bertugas pada masa ini, tetapi kalau dikaji perkara ini dari segi perkembangan Tentera Udara Diraja pada masa hadapan maka tentulah mungkin kita menghadapi masaalah kekurangan juruterbang. Dengan adanya kemungkinan ini, Kementerian saya, Kementerian Pertahanan adalah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan, facilities di Pusat-pusat Latihan supaya lebih ramai lagi bilangan juruterbang-juruterbang melatih dan juga lebih ramai lagi bilangan-bilangan mereka dihantar keluar negeri untuk diberi latihan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam langkah-langkah Kementerian yang berkenaan ini untuk melatih lebih banyak lagi tentera kita dalam bidang ini, adakah Kementerian ini bercadang pada masa yang akan datang akan mengadakan sebuah maktab sebagaimana yang didapati di bidang tentera-tentera yang lain kepada TUDM ini?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Minta ulang sekali lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan Kementerian ini hendak menambahkan lagi bahagian Tentera Udara kita, adakah pada jangka panjang pada masa akan datang Kementerian ini akan mengadakan sebuah maktab kerana memberi latihan Tentera TUDM ini?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini dalam rancangan kami, Tuan Yang di-Pertua.

KAYU—HARGA DI PASARAN

6. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa hasil daripada dasar Kerajaan sekarang mengeksepot papan berlebihan ke luar negeri, orang-orang Bumiputra yang miskin tidak mampu mendirikan rumah dan

menjaganya mengikut kehendak-kehendak kesihatan dengan kemampuan ekonomi mereka dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa orang-orang Bumiputra yang tinggal di rumah-rumah papan dapat menikmati kemajuan perumahan yang sama seperti orang lain.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, peratus kenaikan harga kayu di pasaran tempatan adalah kurang daripada kenaikan harga kayu yang dieksepot. Kenaikan harga kayu ini juga adalah rendah jika dibandingkan dengan kenaikan harga barang-barang lain yang digunakan dalam pembinaan bangunan. Dengan perkataan lain kenaikan harga kayu adalah satu sahaja daripada gambaran inflasi yang didapati di dunia sekarang yang telah juga berlaku di Malaysia.

Kerajaan telah mengambil tindakan yang tertentu untuk menjaga supaya kenaikan harga kayu dipasaran tempatan tidak akan meningkat terlalu tinggi. Satu langkah yang telah di ambil ialah menyekat eksepot 10 jenis kayu balak ke luar negeri dan menggalakkan kayu balak tersebut diproses di dalam negeri. Ini telah mengakibatkan daripada angka 6 bulan dalam tahun 1973, kejatuhan pengekspotan balak ke setengah. Kilang-kilang memproses kayu juga di galakkan memproses lebih banyak lagi jenis-jenis kayu tempatan terutama sekali jenis-jenis kayu yang kurang diketahui (ataupun the lesser known species) untuk menambah lagi pengeluaran kayu gergaji bagi keperluan pasaran tempatan.

Baru-baru ini dengan adanya cukai ekspot 5 peratus yang telah dikenakan, saya harap lebih banyaklah lagi ada kayu akan terdapat di dalam pasaran dalam negeri.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, harga plywood sudah naik dua tiga kali ganda oleh kerana itu apakah langkah Kerajaan hendak ambil atau pun sudah ambil untuk mengurangkan harga plywood itu?

Datuk Haji Abdul Taib Mahmud: Harga plywood tidak naik sehingga dua kali ganda. Sebenarnya kurang daripada itu. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat patutlah sedar bahawa soal harga kayu dan barang-barang kayu di dalam negeri tidak

boleh dipisahkan daripada soal harga kayu itu diseluruh dunia, kerana ini major export commodities dalam negara kita ini: dan kalau kita tidak mahu menaikkan harga kayu yang kita keluarkan dengan harga yang berpatutan dipasaran dunia, maka barangkali perusahaan kayu akan tidak begitu menarik kepada penanam-penanam modal.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan telah memberi arahan sama juga kepada pihak pengilang kayu balak di Sarawak supaya menurunkan harga papan yang sedang meningkat tinggi sekarang, dan ini telah menyusahkan orang-orang miskin bumiputra, kerana tidak dapat membeli papan untuk membuat rumah mereka.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, dalam free enterprise economy itu bukan caranya kita menurunkan harga. Cara kita hendak menurunkan harga ialah dengan cara menambahkan lebih banyak lagi bekalan kayu dalam negeri ini. Satu daripada caranya ialah dengan mengenakan export duty 5%. Kalau harga di pasaran dunia misalnya naik kurang daripada 5%, maka lebih untung bagi orang-orang dalam negeri ini menjual kayu di dalam negeri daripada mengekspot ke luar negeri.

Tuan Luhut Wan: Adakah Kementerian berkenaan telah membuat satu peraturan supaya menyama atau menyelaraskan harga papan di Sarawak sebagai juga keadaan harga yang telah dijual oleh pengilang papan di Malaysia Barat. Walaupun negeri Sarawak pada masa ini mengeluarkan berjuta-juta tan kayu balak setiap tahun, tetapi harga papan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang itu makin meningkat dan melambung tinggi.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir export duty yang kita kenakan itu termasuk juga Sarawak; dan saya fikir akibatnya patut sama. Itu sahaja cara kita menjalankan soal menyelaraskan pasaran dalam negeri.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa papan-papan dalam negeri kita ini tidak naik tetapi walau macammanapun ia telah naik. Soalan saya, untuk memastikan supaya harga papan itu jangan naik, tidakkah Kementerian itu memikirkan satu cara

umpamanya mengadakan satu special price untuk papan-papan yang hendak digunakan di negara kita ini supaya rakyat tidak menanggung kesesahan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, jawapan susah saya hendak beri. Tetapi lebihlah elok kalau Ahli Yang Berhormat fikir bagaimana hendak menguatkuasakan cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bukan masalah harga yang menjadi sibuk sekarang, tetapi masalah papan itu tidak boleh didapati oleh pembeli tempatan, dan setahu saya pejabat Kerajaan sendiri yang membuat order, daripada kilang papan tidak dapat memenuhi order itu, kerana pihak pengilang lebih suka menjual papan keluar negeri daripada menjual di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tertunggu-tunggu apa soalan tambahannya. Itu kenyataan. Lagi sekali saya hendak beri tahu kepada Ahli Yang Berhormat kalau sudah tahu jawapannya tak payahlah bertanya kerana itu membuang masa.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi, adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa bukan masalah harga papan mahal yang menjadi sibuk sekarang, tetapi masalah tidak dapat papan bagi pembeli tempatan membeli papan daripada pengilang tempatan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya export duty dikenakan.

Tuan Ng Hoe Hun: Masa dahulu, masa Kerajaan orang putih, bumiputra. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini cerita panjang?

Tuan Ng Hoe Hun: Ini penjelasan, bukan cerita panjang, kalau tidak ada penjelasan beliau tidak tahu soalan saya. Bumiputra di dalam kampung pada masa dahulu kalau hendak membina sebuah rumah dia masuk hutan mengambil kayu, tetapi sekarang jikalau orang bumiputra di kampung hendak membina sebuah rumah, jika mereka pergi ke hutan mengambil kayu, pegawai hutan

menangkap mereka, sebab mengikut undang-undang, kayu itu tidak boleh diambil. Jadi soalan saya bolehkah Menteri berkenaan memberitahu lain-lain Kementerian supaya kakitangan Kerajaan yang berkenaan janganlah menangkap bumiputra jika mereka masuk hutan hendak mengambil kayu. Kita datang ke sini bukan hendak jual ubat.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya tak boleh; biar saya jawab. Tidak boleh membuat soalan begitu, sebab undang-undang sudah ada teratur berkenaan dengan perkara itu, bagaimana hendak dibatalkan undang-undang itu?

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak mengerti. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak mengerti boleh duduk, dan beri peluang kepada orang lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberitahu saya bagaimana hendak bertanya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya?

Tuan Ng Hoe Hun: Ya! Ajar saya supaya soalan saya itu berkaitan dan Menteri boleh jawab. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, datang ke rumah saya pukul 1.00 tengah malam. (*Ketawa*).

Tuan V. Veerappen: Sungguhpun Kerajaan sudah mengadakan export duty 5% atas kayu dan papan-papan yang dikeluarkan dari negara kita, tetapi sekarang papan tak boleh didapati, ke manakah papan-papan itu dihantar oleh pengilang. Kalau begitu bolehkah Kerajaan menambah ataupun meninggikan tax lebih daripada 5% itu.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kita hendaklah melihat rupa apa akibat tax yang ada sekarang ini. Dalam soal tax ini kita tak boleh gopoh, kerana kita kena perhati sebagaimana akibatnya dahulu: adakah akibatnya akan menambah lebih banyak kayu dalam pasaran dalam negeri atau tidak ada? Apakah impact tax itu? Dalam soal tax ini kita hendak beri masa dahulu, kerana hendak melihat kesannya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi satu kesalahan iaitu ada amalan-amalan pengilang papan dalam negeri ini telah mengambil wang orang ramai apabila

hendak menempah papan tetapi papan itu digantung oleh pengilang itu sampai 4-5 bulan. Adakah Kementerian ini sedar dan adakah salah perbuatan seperti itu?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Minta diulangi sekali lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar dan menjadi satu soalan iaitu amalan-amalan yang dibuat oleh setengah pengilang papan dalam negeri ini bilamana orang ramai hendak membeli papan, wang pembeli itu diambil lebih dahulu, kemudian papan itu digantung sampai 4-5 bulan. Wang itu dijadikan modal. Adakah ini menjadi satu kesalahan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Itu soal perjanjian di antara pembeli dan penjual.

JALANRAYA LAWAS/MERAPOK/ SINDUMIN

7. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) berapa satu jalanraya-jalanraya yang telah dibina mulai tahun 1971 hingga sekarang dalam Bahagian Kelima di Sarawak;
- (b) berapa batu jalanraya-jalanraya yang akan dibina dari sekarang hingga tamat tempoh Rancangan Malaysia Kedua iaitu pada penghujung tahun 1975 dalam Bahagian Kelima di Sarawak;
- (c) bilangan dan nama-nama jalanraya-jalanraya sambungan yang telah dibenarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua dalam Bahagian Kelima di Sarawak; dan
- (d) apakah sebabnya banyak rancangan-rancangan jalanraya sambungan yang telah dibenarkan untuk dibina di Sarawak, masih belum lagi dibina.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jalanraya yang telah dibina di Bahagian Kelima sejak tahun 1971 sehingga sekarang ialah sepanjang 22 batu.

- (b) Jalanraya yang akan dibina dari sekarang sehingga akhir Rancangan Malaysia Kedua nanti di Bahagian ini ialah 8 batu.
- (c) Jalanraya yang akan disambung pembinaannya selepas Rancangan Malaysia Kedua di Bahagian Kelima ialah:
- (i) Jalan raya Lawas/Merapok/Sindumin.
 - (ii) Jalanraya di Rancangan-rancangan Kemajuan Tanah;
 - (iii) Jalanraya-jalanraya bandar.
- (d) Saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat kerana soalan ini terlalu umum. Sepanjang yang saya tahu projek-projek yang telah diluluskan dalam Kajian Semula Penggal Pertengahan. Rancangan Malaysia Kedua akan terus dibina tertakluk kepada keutamaan tetapi sebagai makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja penyiasatan tertentu haruslah dilaksanakan terlebih dahulu dan ini kadangkala mengambil masa.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Adakah rancangan Kerajaan hendak buat satu jalanraya yang besar sekali (Kota Kinabalu ke Kuching) supaya penduduk-penduduk Kota Kinabalu dan Kuching boleh menggunakannya untuk kereta atau bas?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada hasrat untuk membina satu jalanraya dari Kuching ke Kota Kinabalu, tetapi disebabkan keadaan tanah di antara Bahagian Keempat dan Kelima itu adalah sangat susah, maka ini adalah mengambil masa untuk membina satu jalan yang besar bagi menyambung Sabah dan Sarawak ataupun Kuching dengan Kota Kinabalu.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan. adakah Yang Berhormat sedar mengenai jalanraya dari Kuala Baram menuju ke sempadan Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait yang mana keadaan jalanraya begitu lekak-lekok rupanya dan sangat payah untuk kegunaan bas dan kereta, adakah rancangan untuk memperbaiki jalanraya itu dalam Rancangan Malaysia Kedua ini? Adakah apa-apa anggaran dibuat untuk membina jalanraya itu pada tahun ini atau tahun hadapan?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menjawab dengan terus-menerus begitu sahaja, dan saya harap Yang Berhormat itu boleh melihatnya dalam buku anggaran peruntukan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya ada berunding dengan Ahli Yang Berhormat dari Negeri Sarawak dan mereka telah memberitahu saya bahawa di kawasan Sarawak tidak ada dihabiskan lagi projek Rancangan Malaysia Yang Pertama untuk membuat jalan di Sarawak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilakah Rancangan Malaysia Pertama yang berhubung dengan jalanraya di Sarawak boleh dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

MINYAK—KILANG PENAPIS

8. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil ataupun akan diambil oleh Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan mengadakan perusahaan-perusahaan menapis minyak di Sarawak.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sebuah kilang penapis minyak sudah ada di negeri Sarawak. Mengenai rancangan Kerajaan pada masa akan datang, keputusan yang tegas hanya dapat diambil selepas suatu penyelidikan petro-chemical dijelaskan, saya harap, mulai dari tahun 1974 ini. Walau bagaimanapun memang hasrat Kerajaan Malaysia hendak membahagikan persibaran kilang petro-chemical ke kawasan yang belum cukup maju, seperti di Malaysia Timur dan di Pantai Timur di Semenanjung Malaysia iaitu dengan lain perkataan, kita akan cuba menggunakan kemungkinan mendirikan perusahaan petro-chemical sebagai satu strategi menseimbangkan pembangunan daripada satu rantau ke satu rantau.

PRESTON TIMES PRINTING/ PUBLISHING SDN. BHD.—KESATUAN

9. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau sedar bahawa apabila pihak Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Percetakan memohon untuk diiktiraf pada 28hb Ogos, 1973 kepada pihak Preston Printing & Publishing Sdn.

Bhd., Shah Alam, Kesatuan sekerja ini telah menerima 46 pucuk surat perletakan jawatan pada 11hb September, 1973 melalui pos yang sama; jika ya nyatakan adakah beliau telah menyasiat untuk mengetahui samada pihak pekerja-pekerja telah dipaksa meletakkan jawatan dari Kesatuan Sekerja oleh pihak majikan dan apakah hasil penyiasatan itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada 29hb Ogos, 1973, bukan pada 28hb Ogos, 1973 seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Perusahaan Percetakan Selangor telah memohon pengiktirafan dari Preston Times Printing and Publishing Sendirian Berhad, Shah Alam. Saya juga sedar bahawa setelah gagal mendapatkan sambutan yang memuaskan dari Syarikat berkenaan, Kesatuan Sekerja itu telah melaporkan perkara itu kepada saya pada 4hb Oktober, 1973 di bawah perbekalan-perbekalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang berkaitan, dan Kementerian saya sedangpun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan perkara ini. Walau bagaimanapun, saya tidak sedar yang kesatuan telah menerima 46 surat perletakan jawatan pada 11hb September, 1973 dari ahli-ahlinya yang digajikan oleh Syarikat. Sekiranya terdapat apa-apa aduan diterima oleh Kementerian saya bahawa terdapat sebarang pekerja-pekerja yang telah dipaksa meletakkan jawatan dari Kesatuan mereka, perkara ini akan disiasat dengan mendalam dan tindakan sewajarnya seperti dibekalkan dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 akan diambil.

BANK SIMPANAN PEJABAT POS— KES PENIPUAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) berapa banyak berlaku kejadian menipu Bank Simpanan Pejabat Pos di seluruh negara dalam tahun 1973;
- (b) sebab-sebab berlakunya penipuan tersebut;
- (c) tindakan yang telah diambil terhadap kejadian menipu itu;

- (d) berapa banyak laporan dibuat kerana kiriman wang tidak diterima oleh penerima-penerima di dalam dan di luar negeri; dan
- (e) bagaimana masalah-masalah itu diselesaikan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada sebanyak 176 kes penipuan telah dilakukan terhadap Bank Simpanan Pejabat Pos dalam tahun 1973.
- (b) Bank Simpanan Pejabat Pos mempunyai kira-kira lebih daripada 2 juta dan di antara sebegitu ramai penyimpannya adalah dijangka ada di antaranya akan mencuba untuk menipu Bank Simpanan Pejabat Pos. Kejadian penipuan ini disebabkan oleh kelalaian setengah-setengah penyimpan tidak menjaga keselamatan buku kira-kira mereka dan setengahnya disebabkan oleh kecuaiannya kerani-kerani kaunter pejabat pos menjalankan tugas.
- (c) Tiap-tiap penipuan yang dilakukan terhadap Bank Simpanan Pejabat Pos adalah disiasat dengan rapi oleh Bahagian Penyiasatan Pejabat Pos dan juga dilaporkan kepada pihak polis. Apabila orang yang melakukannya ditangkap, ia akan dihadapkan ke Mahkamah untuk dibicarakan dan dihukum mengikut undang-undang. Sekiranya seseorang Pegawai Pos didapati melakukan kecuaiannya, tindakan tatatertib yang sesuai akan diambil.
- (d) Lebih kurang 1.7 juta kiriman wang (money orders) telah digunakan oleh orang ramai tiap-tiap tahun untuk berbagai-bagai pembayaran baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Dalam tahun 1973, sebanyak 17,746 pertanyaan telah diterima dari orang ramai berkenaan dengan kiriman wang yang dibayar di negara ini dan sebanyak 1,677 pertanyaan mengenai kiriman wang yang dibayar di luar negeri. Pertanyaan-pertanyaan tersebut meliputi kategori berikut:
 - (i) pengiriman tidak menerima pengesahan daripada penerima dan dengan itu ianya mahu pejabat

pos mengesahkan samada kiriman wang tersebut sudah dituntut atau belum;

- (ii) Pejabat pembayaran ataupun nama penerima dipinda;
- (iii) Pembayaran kiriman wang tersebut diberhentikan;
- (iv) Kiriman wang itu dibayar semula kepada pengirimnya;
- (v) Kiriman wang pendua dikeluarkan.

Rekod yang berasingan bagi kes-kes di dalam tiap-tiap kategori tidak ada disimpan.

- (e) Dalam tahun 1973, 15,716 kes telah disiasat dan dikendalikan dengan memuaskan, termasuk pengeluaran pembayaran semula, pendua-pendua dan juga lain-lain. Selebihnya pula tindakan-tindakan sedang diambil mengikut kehendak-kehendak pengirimnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya berkenaan dengan masalah rakyat di kawasan saya di Taiping. Apabila rakyat pergi ke pejabat Pos di Taiping hendak membeli \$2.00 Postal Order atau Kiriman Wang, tidak boleh dapat. Oleh itu rakyat mengadu dengan saya dan saya telah berunding dengan Pos Master di Pejabat Pos Taiping. Beliau kata betul bahawa mereka tidak ada Postal Order atau Money Order, oleh sebab Kuala Lumpur tidak menghantarnya. Mereka suruh saya bawa masalah ini ke Parlimen. Bolehkah Menteri beritahu dengan Pejabat Pos Kuala Lumpur suruh mereka hantar Postal Order dan Money Order ke Pejabat Pos Taiping?

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah soalan lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tindakan akan diambil untuk menentukan bilangan yang dikehendak di Pejabat Pos Taiping.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Menteri tahu di Pejabat Pos Taiping tidak boleh dapat beli Postal Order?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan ambil ingatan dan siasat atas perkara ini.

MINYAK—PENGELUARAN MALAYSIA

11. Tuan Edmund Langgu anak Saga (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil keluaran minyak pada masa sekarang setiap tahun, setiap bulan dan setiap hari masing-masing bagi Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah dan hasil keluaran yang dianggarkan menjelang tahun 1980.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran minyak daripada Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 97,000 tong sehari dan pada masa sekarang kebanyakan minyak ialah dari Benua Pelantar dekat negeri Sarawak. Perjumpaan yang baru dekat negeri Sabah dan dekat Pantai Timur di Malaysia Barat akan mula mengeluarkan minyak seawal-awalnya pada 1975 dan seakhir-akhirnya pada tahun 1978. Pada takat ini terlalu awal bagi saya memberi taksiran, mengenai jumlah pengeluaran dalam tahun 1980. Tetapi sebagai panduan saya membuat rancangan saya telah menganggarkan $\frac{1}{2}$ juta tong sehari sebagai asas daripada tahun 1978.

PERCETAKAN KERAJAAN— KEKURANGAN BEKALAN

12. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan samada beliau sedar bahawa percetakan-percetakan Kerajaan yang mustahak untuk kegunaan tiap-tiap hari oleh orang-orang profesyenal seperti Peraturan Syarikat (*Company's Act*) tidak cukup dicetak dan jika ya apakah tindakan-tindakan beliau ingin ambil untuk mengatasi kekurangan itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar. Bagaimanapun *Companies Act* telah disemak semula dan dicetak dan sekarang boleh dibeli oleh orang ramai.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI NEW ZEALAND

13. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa penuntut-penuntut Malaysia di New Zealand terlibat di dalam pergerakan kominis, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap mereka untuk menjaga nama baik Malaysia di mata dunia.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menambah apa-apa lagi kepada jawapan yang telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa hari yang sudah ataupun dengan tepatnya pada 3hb Disember waktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

“GERAKAN JUDAS”—TANGKAPAN

14. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat mana “Gerakan Judas” yang dilancarkan baru-baru ini telah berjaya mencapai cita-citanya hendak menyekat bekalan kepada penganas-penganas di Sarawak, dan kenapa kegiatan-kegiatan mereka merebak dari RASCOM ke Tatau di Bahagian Keempat dan Betong di Bahagian Kedua di Sarawak baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah beberapa kali dijawab di Dewan ini, iaitu di bawah “Gerakan Judas” seramai 30 orang telah ditangkap dan 109 orang telah tampil ke hadapan dengan memberi maklumat mengenai perhubungan mereka dengan penganas-penganas komunis. Gerakan tersebut itu telah berjaya meruntuhkan sebahagian besar “infrastructure” penyokong-penyokong penganas komunis dan menyekat bekalan-bekalan logistic mereka.

Penganas-penganas yang dikesan dan dapat ditawan di Tatau di Bahagian Keempat adalah hasil dari pemburuan dan gerakan-gerakan tindakan balas oleh Pasukan Keselamatan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Di Kawasan Betong di Bahagian Kedua, Sarawak, tidak berapa lama dahulu dua orang penganas komunis telah ditembak sebab mereka telah masuk ke Betong dari kawasan “Gerakan Judas”. Bolehkan Yang Berhormat Menteri beritahu di dalam kawasan Betong itu adakah lagi penganas-penganas komunis itu? (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada.

KESELAMATAN DI SARAWAK

15. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri memandang kepada tangkapan baru-baru ini terhadap ramai pemimpin-pemimpin masyarakat yang terkemuka di Sibul, iaitu di antara 19 haribulan September dengan 21hb September, samada Kerajaan sedang mengambil langkah mengkaji keadaan keselamatan di Sarawak.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sentiasa mengkaji dan mengawal.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Oleh kerana keselamatan di Sarawak makin hari semakin cerah, betul atau tidak bahawa tidak lama lagi kawasan di Sarawak pada keseluruhannya akan menjadi putih?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Seperti saya katakan tadi Kerajaan sentiasa mengkaji dan mengawal keadaan keselamatan di Sarawak, insya Allah tidak berapa lama lagi kalau diizinkan Tuhan, dapat kita menerang dan menghapuskan semua penjahat-penjahat komunis di sana.

TANGKAPAN DI SARAWAK

16. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan tiga puluh orang yang ditangkap di Sarawak baru-baru ini:

- (a) nama-nama mereka;
- (b) di bawah undang-undang apa mereka ditangkap dan mengapa;
- (c) berapa ramai daripada mereka yang telah dibebaskan;
- (d) samada benar bahawa mereka ditangkap kerana bekerja untuk memisahkan Sarawak dari Malaysia; dan
- (e) samada keluarga mereka telah diberitahu mengenai penangkapan mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan inipun berbalik-balik. Hendak tahu juga list nama ini, di suratkhobar pun sudah banyak kali disiarkan. Boleh juga saya ceritakan sekali lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau Yang Berhormat Menteri telah beri jawapan dan saya pun mengerti, tetapi jikalau Menteri boleh beri saya tanya satu soalan sahaja. . .

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tadi saya tanya, adakah soalan ini hendak dijawab sekali lagi sebab sudah beberapa kali dijawab. Kalau lain daripada soalan ini, saya berkehendakkan notis.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sudah ada dijawab, tidak payah diberi jawapan lagi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, tetapi dia hendak tahu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak apa. Saya ada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau saya kata tidak boleh, tidak bolehlah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKALKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (15hb Januari, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

JADUAL

Kepala B. 29 hingga B. 34, P. 29 hingga P. 31, P. 34—

Tuan Pengerusi: Dijemput Menteri menjawab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tahu. Tidak boleh disambung lagi. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Perbahasan disambung semula.

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran di Dewan ini semalam dan saya tidak berhajat hendak memberikan ucapan dan jawapan yang panjang lebar dalam Dewan ini, tetapi dalam satu dua perkara perlu juga diterangkan supaya tidak mengelirukan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat seluruhnya.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat menyentuh soal orang-orang tahanan di Batu Gajah yang telah mengadakan mogok lapar. Sebenarnya pada 29-12-1973 orang-orang tahanan ini telah memecahkan pintu pagar dan telah melanggar peraturan dan undang-undang yang ditentukan. Yang demikian pihak yang berkuasa di tempat tahanan itu telah

mententeramkan keadaan ini, tetapi keadaan semakin memuncak dan terpaksa memanggil Pasukan Polis Pencegah Rusuhan, yang demikian ahli-ahli dan orang-orang tahanan ini telah mengadakan mogok lapar dan hal ini telah dapat dikawal dengan baik.

Atas anjuran supaya satu Suruhanjaya Khas dibentuk bagi menyasat keadaan orang tahanan ini, saya fikir ini tidaklah perlu kerana Ahli Yang Berhormat itu sendiri pernah menjalani dan sebagai seorang bekas tahanan dan selama beliau berada dalam tahanan beliau telah mendapat layanan yang semporna yang mana beliau adalah sihat dan gemok-gedempol sampai hari ini. Sekiranya layanan yang diberikan kepada orang-orang tahanan begitu buruk sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat, saya percaya Ahli Yang Berhormat tidak akan dapat berada di Parlimen sekarang ini di dalam keadaan sihat dan oleh itu keadaan-keadaan yang terdapat di tempat tahanan sekarang tidaklah buruk sebagaimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat dan juga Ahli dari Bandar Melaka kelmarin. Kerana pada tiap-tiap 6 bulan sekali Jawatankuasa Penasihat mengadakan penyiasatan dan dari laporan yang diterima menunjukkan mereka sangat puas hati dan lebih-lebih lagi pada tiap-tiap tahun pasukan Persatuan Palang Merah Antarabangsa telah datang melawat tempat tahanan ini dan melaporkan bahawa pentadbiran tempat tahanan tersebut adalah sangat memuaskan.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka mengenai orang tahanan yang bernama Zulkifli bin Ismail. Sebenarnya tuduhan-tuduhan yang ditimbulkan ini adalah diputarbelitkan. Sebenarnya Zulkifli bukanlah disebabkan kerana beliau enggan hadir di hadapan Lembaga Penasihat. Saya meminta Ahli Yang Berhormat itu menyemak semula jawapan saya pada 10-1-74 yang telah dilaporkan dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat pada 10-1-74 dan ia masuk hospital bukanlah kerana dipukul, tetapi sebenarnya ia masuk ke hospital pada 2hb Januari, 1974 dan keluar pada 9hb Januari, 1974 kerana mengidap penyakit darah tinggi dan masuk balik pada 14-1-74 kerana demam. Oleh itu tidaklah timbul masalah yang disebut-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Satu perkara rasanya patut disentuh di sini supaya tidak mengelirukan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga telah menuduh Polis Sabah menghalang Parti Tindakan Sabah Bersatu dari meletakkan calon bagi pilihanraya kawasan negeri Elopura, Sandakan, pada 4-8-1973. Berkenaan dengan tuduhan ini saya ingin memberi penjelasan:

Pasukan Polis yang diketuai oleh seorang ASP telah menyerbu Pejabat USAP di Jalan Dua, Sandakan, pada jam 9.45, 5hb Ogos, 1973, di atas maklumat yang diterima yang membayangkan adanya beberapa risalah yang prasangka dan juga senjata yang tidak berlesen. Serbuan tersebut telah dibuat di atas kuatkuasa Waran Mahkamah yang telah diperolehi terlebih dahulunya. Kebetulan-nya setelah menggelidih Pejabat USAP tersebut selama lebih kurang 2 jam, beberapa risalah dan sepucuk revolver .22 telah dijumpai dan dirampas. 13 orang di pejabat tersebut telah ditangkap dan kemudiannya dibebaskan di bawah jaminan. Oleh itu tidak timbul tuduhan yang mengatakan bahawa polis telah bertindak kerana menghalang calon dari Parti USAP. Di atas tindakan ini yang dilakukan oleh pihak polis itu bukanlah suatu tindakan yang bertujuan hendak menghalang Parti USAP untuk meletakkan calon.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu satu lagi tuduhan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang rasa perlu juga diberikan jawapan ialah mengenai seorang Cina Penoreh Getah yang bernama Lok Wan Fan daripada Banang Estate telah mengadu di Balai Polis Batu Pahat mengatakan anak perempuannya bernama Lok Kim Eng berumur 14 tahun telah pergi ke sekolah jam 10.30 pagi pada 30-10-1973 dan tidak balik ke rumah.

Bila Polis telah menjalankan siasatan dan mendapat budak perempuan itu telah dengan sendirinya pergi ke rumah Tuan Kadhi Batu Pahat dengan tujuan hendak memasuki Ugama Islam. Bapanya pun diberitahu lalu beliau meminta pertolongan pihak Polis supaya anak perempuannya diserahkan balik kepada beliau. Seterusnya, Tuan Kadhi dihubungi dan diminta membawa budak perempuan itu ke Balai Polis Batu Pahat di mana bapanya telah menunggu. Budak

perempuan itu tidak mahu mengikut bapanya dan seboleh-bolehnya hendak pulang balik ke rumah Tuan Kadhi. Tindakan dan nasihat oleh Tuan Kadhi, budak perempuan itu berdegil juga dan tidak mahu menurut bapanya balik dan dengan sendirinya berkuat hendak mengikut pulang ke rumah Tuan Kadhi.

Selepas beberapa hari kemudian, dengan pujukan Tuan Kadhi budak perempuan itu balik ke rumah bapanya. Akan tetapi setelah sampai ke rumah bapanya ia membuat helah pula untuk balik ke rumah Tuan Kadhi dengan alasan untuk mengambil kain bajunya. Apabila sampai ke rumah Tuan Kadhi beliau terus berkeputusan tidak hendak balik semula ke rumah bapanya. Dengan kuat kehendak budak perempuan itu sendiri dan juga Tuan Kadhi telah mengislamkan budak itu. Tindakan Polis—diambil selanjutnya oleh sebab tiada apa-apa kesalahan yang telah dilakukan dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menyebutkan soal perkara mengawasi semua penerbitan-penerbitan daripada negara kominis di pintu masuk Subang, Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Hal ini adalah diambil perhatian yang kuat oleh pihak Kerajaan. Begitu juga pandangan beliau mengenai dengan memberikan subtitle pada filem-filem dalam bahasa asing. Sebenarnya hal ini telahpun dirundingkan dan perundingan lanjut akan diadakan supaya pihak yang berkenaan dapat menjalankannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat telah membangkitkan mengenai dengan Pegawai-pegawai Imigeresen berjaga-jaga tentang penggunaan paspot palsu untuk masuk ke negeri ini. Pegawai-pegawai Imigeresen di pintu masuk ke negeri ini adalah diingatkan supaya berwaspada bagi mencegah kemasukan orang-orang yang menggunakan paspot palsu atau pas palsu. Kejadian yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai dilapurkan dalam akhbar-akhbar baharu-baharu ini bukanlah kejadian penggunaan paspot palsu, tetapi sebenarnya orang-orang berkenaan telah ditangkap kerana didapati penelitan Pegawai-pegawai Imigeresen mendapati paspot-paspot mereka mengandungi cap pas palsu.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya tiadalah berhajat menambah lagi dan teguran-teguran dan pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin adalah diambil perhatian dan juga diambil langkah-langkah yang sesuai sekiranya didapati tuduhan-tuduhan itu benar, maka tindakan yang sewajarnya adalah diambil, tetapi jika didapati tidak benar, maka Ahli Yang Berhormat itu haruslah bertanggungjawab di atas ucapan-ucapannya.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja ucapan yang dapat saya berikan di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,336,336 untuk Kepala B. 29; \$258,666,888 untuk Kepala B. 30; \$8,251,830 untuk Kepala B. 31; \$550,810 untuk Kepala B. 32; \$8,153,949 untuk Kepala B. 33 dan \$21,249,040 untuk Kepala B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 29; \$69,845,138 untuk Kepala P. 30; \$888,695 untuk Kepala P. 31 dan \$3,656,540 untuk Kepala P. 34 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

3.30 ptg.

Kepala B. 35 hingga B. 37, P. 35 hingga P. 37—

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Penerangan saya meminta kelulusan Dewan anggaran belanja bagi Kementerian ini iaitu belanja mengurus dan belanja pembangunan.

Dalam tahun 1974 Kementerian ini berkehendakkan belanja mengurus sebanyak \$77,743,914 iaitu di bawah:

Kepala B. 35	\$14,271,817
Kepala B. 36	\$48,672,097
Kepala B. 37	\$14,800,000

dan bagi pembangunan sebanyak \$21,184,103 iaitu di bawah:

Kepala P. 35	\$ 364,376
Kepala P. 36	\$19,240,343
Kepala P. 37	\$ 1,579,384

Jumlah ini merupakan sebanyak \$8,107,214 tambahan untuk belanja mengurus dan kurang sebanyak \$6,702,473 untuk pembangunan.

Hasil yang dianggarkan dapat diperolehi secara langsung oleh Kementerian Penerangan berjumlah \$31 juta, iaitu \$17.6 juta dari penyiaran iklan dari Radio dan TV dan yang lainnya melalui Filem Negara dan Jabatan Penerangan.

Antara tambahan dalam belanja mengurus ialah bagi mengambil kakitangan-kakitangan, terutama sekali bagi meluaskan Bahagian Perdagangan RTM ke Sabah dan Sarawak, kakitangan dalam Jabatan Penerangan dan Filem Negara. Program tempatan RTM memakan belanja yang banyak, tetapi perlu dibanyakkan lagi sesuai dengan kehendak Kerajaan bagi membawa Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara dekat dan difahami oleh rakyat. Kementerian akan mengeluarkan banyak lagi program-program yang bercorak developmental dan educational untuk membentuk rakyat Malaysia yang bersatu-padu. Beberapa stesyen pemancar baharu samada radio atau talivisyen telah dibina dan sedang dibina yang akan siap tidak lama lagi.

Usaha yang besar dalam tahun ini ialah untuk menambahkan lagi transmitter-transmitter di kawasan-kawasan terpencil atau pocket-filling samada di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah serta Sarawak. Pembinaan Pejabat Penerangan di peringkat daerah sedang berjalan dengan baiknya. Salah satu tugas penting Kementerian ini ialah untuk merapatkan Malaysia dengan negara-negara ASEAN dan juga seluruh dunia. Suara Malaysia telah diluaskan ke Filipina dan dengan ini sempurna usaha kita hendak mengadakan siaran Suara Malaysia—Radio ke seluruh negara-negara ASEAN.

Kementerian ini juga telah dapat mengadakan siaran radio bahasa Arab ke Asia Barat. Ini adalah sesuai dengan langkah Kerajaan kita hendak merapatkan tali persaudaraan antara Malaysia dengan negara-negara di Asia Barat. Dalam tahun ini juga kita telah berjaya membawa tiga program T.V. secara langsung atau life-cast dari luar negeri, iaitu cara mengambil Haji tahun yang lalu dan juga temasnya Sukan di Munich baharu-baharu ini. Kementerian ini juga pada kali pertamanya berjaya menghantar dua program talivisyen secara langsung (life-cast) ke negara-negara sahabat iaitu Pesta Bola Merdeka ke Kuwait dan Pertandingan Koran ke Pakistan. Semuanya

ini ialah hendak menjalinkan usaha merapatkan lagi hubungan negara kita dengan negara-negara sahabat.

Sesuai dengan usaha hendak menjadikan ibukota sebagai Federal Territory maka Kementerian ini juga telah dapat mengadakan siaran Radio Ibukotanya. Begitulah antara highlight-highlight program yang telah disempurnakan dalam tahun ini dan dengan peruntukan yang akan diluluskan nanti maka Kementerian berharap akan dapat meneruskan usahanya bagi memajukan lagi mass media Kerajaan sesuai dengan kehendak samada dalam zaman pembangunan ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya memohon agar jumlah wang di bawah Kepala B 35, 36, 37 sebanyak \$77,743,914 dan P. 35, 36 dan 37 sebanyak \$21,184,103 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Kepala B. 35 hingga B. 37 dan P. 35 hingga P. 37 dan perbelanjaan yang diuntukkan bagi kepala-kepala itu sekarang boleh dibahaskan, tetapi saya hendak memberi amaran, saya akan memberhentikan perbahasan itu tepat 10 minit seorang.

3.36 ptg.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian Penerangan, saya suka mengambil bahagian dalam dua perkara dengan seberapa ringkas yang dapat.

Pertama, saya suka mengambil peluang memberi pujian dan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian ini yang banyak membuat perubahan terhadap Rancangan Siaran Radio dan T.V. Malaysia di masa yang akhir ini, di samping T.V. memainkan peranan yang penting untuk mengeratkan lagi hubungan di antara negara-negara Islam di Asia Barat, di mana dalam Pertandingan Membaca Al-Quran di Peringkat Antarabangsa dalam bulan Ramadan yang lalu, siaran terus-menerus dipancarkan dari Ibukota Kuala Lumpur ke beberapa buah negara Islam. Walaupun negara kita sebuah negara yang muda, tetapi kita lebih advance dalam memainkan peranan yang besar dalam bidang siberan am, jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain yang lebih lama mencapai kemerdekaan. Saya berharap banyak lagi pertukaran siaran di

kalangan negara-negara Islam dilakukan terutama dalam bidang dakwah Islam, drama atau cerita sejarah yang berunsur ugama dapat disiarkan oleh T.V. Malaysia.

Tuan Pengerusi, tetapi dalam siaran T.V. ini satu perkara yang saya rasa mendukacitakan penuntut-penuntut kita di Malaysia ini ialah kerap kali kita dapati siaran tergendala. Ini bukannya berlaku sebulan sekali, tetapi kerap kali berlaku. Kalau tidak di Utara, di bahagian Timur, Tengah dan sebagainya. Oleh itu, saya harap perkara ini dapat dibaiki supaya siaran ini tidak lagi kerap kali berlaku dalam siaran T.V. Malaysia supaya penuntut-penuntut dapat menikmati siarannya dengan lebih baik.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai siaran Radio. Menurut apa yang saya tahu pada masa ini radio di Malaysia Timur mempunyai programnya sendiri sementara siaran di Malaysia Barat mempunyai siaran dan programnya sendiri, kecuali siaran wartaberita sahaja yang mempunyai siaran yang sama, yang dipancarkan dari ibu negara Kuala Lumpur, sedangkan lain-lain siaran masing-masing mempunyai program yang bersendirian. Memandang kita dalam sebuah negara, maka satu maklumat yang sama patut diterima oleh semua rakyat samada di Malaysia Timur ataupun di Malaysia Barat dan apa yang didengar oleh rakyat Malaysia Barat perlu didengar dan diketahui oleh rakyat di Malaysia Timur. Oleh itu, saya syorkan supaya Radio Malaysia mempunyai satu program, satu network yang dapat dipancar dari ibu negara Kuala Lumpur ke seluruh tanahair dan dengan ini semua rakyat dapat menikmati segala rancangan, berita-berita dan lain-lain samada di Malaysia Barat mahu pun di Malaysia Timur. Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong penuh peruntukan bagi Kementerian Penerangan.

3.40 ptg.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to Head B. 35, Subhead 1100, item (1), General Administration, page 289.

Tuan Pengerusi, one of the main objectives of the Ministry of Information is to provide suitable elements of popular education, general information and entertainment. Providing general information for the public is good and useful, so that our citizens, our

people, Malaysians, become more aware of things around them. However, there is also information that is useful for citizens to know so that Malaysians can look after their own interests or the interests of their children and in this respect, Tuan Pengerusi, I wish to draw attention to the fact that many people are still ignorant of the citizenship laws of this country. The provisions are so complicated that the average Malaysian finds difficulty in understanding them. Many who are literate find difficulty in understanding them. So what would be the position of those who are not literate? How many really understand our citizenship laws? Therefore, Tuan Pengerusi, I would suggest that T.V. and Radio Malaysia explain to the public the various Articles of the Constitution by holding programmes, discussions and forums to explain the various Articles of the Constitution whereby a person can obtain citizenship for himself or for his children. The programme should explain what are the requirements or the documents that an application under each of the Articles require and also give examples of what alternative evidence may be used if certain documents required are not available. There are many cases, Tuan Pengerusi, where due to the ignorance of the parents, children are made to suffer because they do not apply in time or do not possess certain documents and are not aware that they can produce alternative documents instead and so do not apply and, therefore their children suffer. There is a lot of ignorance in this field and I hope that the Ministry would give my suggestion serious consideration and do something about it.

The situation is so bad, Tuan Pengerusi, that the Minister of Home Affairs himself has stated in this House that considerable delays are encountered in dealing with citizenship applications because applicants do not submit with their applications correct or sufficient evidence or documents to support their applications, and this leads to unnecessary work because applicants do not have what is really required of them. Further, Tuan Pengerusi, there are many people who are also unaware as to how to go about to get the birth certificates and identity cards rectified and because of their ignorance, children often suffer. Parents do not know what to do or how to go about to get these documents rectified and as a result of such ignorance, these people

are placed not only at a disadvantage but they are taken advantage of by unscrupulous people who go to them and suggest that for certain payments of money they can get things done and these unscrupulous people do not really help and what they do is that they keep coming back asking for more and more money and the poor ignorant people very often pay as much as \$50 for a simple thing like getting a correction made in the birth certificate when all they need to pay from the very beginning would have been \$2 if they had known how to go about it. This is the kind of problem that many people in this country face and the Ministry of Information can do a lot in helping the illiterate and ignorant people in this country.

Further, Tuan Pengerusi, Radio and T.V. Malaysia has taken the attitude that its function is to state or publicise only information that is flattering to the Government. Thus, days after the Malaysian Treasury's Economic Report for 1973/1974 was made public last December, Radio and T.V. Malaysia kept stating that the life expectancy of Malaysians had gone up. True, that may be so. But why is it that Radio and T.V. Malaysia does not give the other side of the picture—that this is a poor country where over 50% of Malaysian homes do not have electricity supply and over 50% of Malaysian homes do not have piped water supply. These are things that T.V. and Radio Malaysia should put out if it really wants Malaysians to understand what the situation is like and that they should come out and co-operate with the Government, instead of just putting out information that is flattering to the Government. I think this is wrong and the information Ministry should change its concepts. It would appear that T.V. and Radio Malaysia has become the propaganda mouth-piece of the Government and nothing else.

3.45 *ptg.*

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan iz'n*) Sir, it is important that the Ministry of Information pursues its policies and programmes so that it truly becomes the Ministry of Information and not the Ministry of Propaganda. This is absolutely important not only in disseminating Government policies in winning the hearts and minds of the people to the side of the Government, but

in times of war and stress and in unstable times—the type of occasion that we are going through right now—the credibility of the Government is absolutely important and I would urge the Minister in charge of the Ministry of Information to ensure that its programmes, its utterances, the control it exercises on the newspapers, radio and television, which are all dominated by the Government, that these things be put forward in a businesslike, factual manner so that the people will always believe what comes out from the Ministry of Information.

I will cite just two examples, Sir, of what I mean. Recently there were casualties that were suffered in the Bentong area. I heard the news late in the night about the casualties that were suffered. The figure given was different from the figure which was published the next day in the newspapers. I think this is the type of inaccuracy which must be corrected. Another instance, Sir, is in the reportage on the Arab-Israeli conflict. While it is essential and correct that we support the cause of the Arabs because their cause is a just one, it is also important that the news that we present through our newspapers and our television and radio should be factual reporting. This, in fact, was one of the lessons which the Egyptians themselves have learned and as a result of which they did a much better job during the recent war rather than the hocus-pocus that their own newspapers put forward during President Nasser's time, about Egyptian victories and so on which evaporised into a terrific Egyptian disaster. Therefore, I would urge that, whatever our feelings may be in international affairs, the reportage in our newspapers, our Press, our radio and television must be factual and correct at all times in order to preserve the credibility of the Government.

Secondly, Sir, on the question of Press control and radio control, I have urged before that it is important that Government considers the establishment of a private radio station and a private television station in order to provide healthy competition in the type of programmes, some of which are terribly dull and unimaginative, which come out from Government television and radio. I think if we can allow a private commercial firm to undertake that type of enterprise, as is done in many countries in the world, it will

be better for Radio and Television Malaysia and also a better political climate would be generated in this country.

Now, Sir, if we take Hongkong, for instance—Hongkong has got a much smaller population than Malaysia, less than 4,000,000 people—and compared with the standard of their television and radio programmes with what we have got here, there is no doubt Sir, that Hongkong is miles ahead over us, both in terms of actual programmes and the presentation of the programmes, and I hope the Minister concerned will see how he can present our programmes in a more interesting manner. Colour television, for instance, has come to Hongkong a long time ago but here in Malaysia we are still waiting for it to come.

Sir, now on the use of television as a medium of education, I think not enough has been done in that direction, not only to educate the people in getting citizenship or applying for jobs, but in training for a useful career and to inform the people especially the rural people, what are the careers open to them—if they want to be a doctor, an engineer, a politician, a carpenter or a brick-layer, what are the facilities open to them. I think this type of education is absolutely important, but unfortunately there is not much of that to be seen in our television.

Then, Sir, on the question of population control, Ministers have talked at length about the necessity to reduce and to curb the very high rate of population growth in this country. We have a population growth rate of more than 3% one of the highest rates of population growth in the world. Now, of what use is all the progress which we make in this country—the high standard of living and improvement in the earning capacity of the people—if that is going to be nullified by the extra mouths, the extra population which comes along every year. So I say, Sir, that sex education is absolutely important not only in our schools, but also via the medium of radio and television. We must do this, otherwise a lot of the progress would be retarded.

Finally, Sir, it is necessary that we give more assistance to our local film industry. There is hardly a worthwhile film made locally in this country that is of international standard and this is surprising and deplorable, in view of the multi-racial character of

this country and in view of the obvious talents that our people have got, and I would urge the Minister concerned to look seriously into this and possibly to start off with film festivals and so on, to encourage the development of our film industry.

3.53 pte.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit sahaja, tidak sampai 10 minit iaitu berkenaan dengan filem.

Kita telah bercakap berkenaan dengan perpaduan rakyat, begitu juga pihak-pihak Pembangkang telah bertanya beberapa kali berkenaan dengan ini dan saya hendak tunjukkan di sini berkenaan dengan tawarikh Malaysia. Mestilah ada filem, kadang-kadang ada orang-orang yang tidak boleh membaca seperti orang-orang di estet, di lombong-lombong dan setengah-setengahnya di kampung-kampung baru dan di kampung-kampung kita orang-orang tua pun tidak tahu membaca. Jadi kalau ada satu filem, filem ini dikerat berperingkat-peringkat menunjukkan bagaimana Malaysia ini wujud. Dahulu Malaysia ini bagaimana? Dahulu siapakah penduduk Malaysia ini yang sebenarnya? Gugusan Pulau-pulau Melayu ini siapa yang punya? Ini mesti ditunjukkan betul-betul. Dengan cara begitu orang mengerti. Kalau tidak, saya pun was-was, saya was-was siapa yang betul-betul duduk di Tanah Melayu pada mula-mula dahulu, yang boleh dikatakan asal. Apabila kita tunjukkan tawarikh ini, saya misalkan iaitu Seri Wijaya Empire. Seri Wijaya Empire ini sebuah empire yang besar yang dipunyai oleh orang Melayu, pusatnya di Palembang. Daripada itu kita mainkan, bukan propaganda, tetapi adalah betul-betul ditunjukkan. Jadi orang kita Malaysia ini berbangga, iaitu pada satu masa dahulu kita ada mempunyai satu empire yang besar, bukanlah kita orang Malaysia ini adalah satu bangsa yang selalu dijajah, tetapi kita dahulu menjajah orang pun ada, dan dari dahulu kita ada mempunyai Raja-raja yang memerintah. Ini kita mesti tunjukkan kepada rakyat jelata. Sesudah itu apa sebabnya kejatuhan Seri Wijaya ini? Kejatuhan Seri Wijaya ini ialah oleh kerana pengkhianat-pengkhianat dan sebagainya, maka timbullah pula satu empire iaitu Majapahit. Sesudah itu jatuh Majapahit. Kemudian timbullah satu kingdom iaitu yang dinamakan di Singapura.

Daripada Singapura itu pula ada satu kingdom lagi iaitu di Melaka. Sesudah itu bagaimana pula Gugusan Pulau-pulau Melayu ini berpecah-belah diperintah oleh Belanda dan diperintah oleh Inggeris dan diperintah oleh Portugis. Bagaimana kejatuhan Tanah Melayu ke tangan Portugis? Bagaimana bangsa Melayu telah mati di pantai-pantai Melaka, bertanam ataupun tidak bertanam langsung mempertahankan tanahairnya dari dahulu. Ini semua mestilah ditunjukkan iaitu memberi perangsang kepada bangsa Malaysia. Kita mati berkorban untuk tanahair kita, kita mempertahankan negeri kita, nyawa, jiwa segala-galanya kita beri untuk negara. Maka dengan ini menjadi satu pelajaran, satu pandangan kepada semua rakyat Malaysia untuk perpaduan pada masa akan datang atau hari ini.

Ini saya rasa adalah penting oleh kerana apabila Melaka telah jatuh ke tangan Portugis, apabila Portugis telah memerintah. Apabila Portugis telah jatuh, datanglah pula Belanda. Apabila sampai bangsa Inggeris, mereka menjatuhkan kita oleh kerana dilagakannya Raja-raja Melayu, di antara Raja Melayu dengan Raja Melayu yang lain dengan kepandaian British memerintah dengan cara *divide and rule* maka semua negeri-negeri Melayu telah jatuh ke tangan Inggeris. Ini satu keinsafan kepada bangsa Melayu sendiri. Bagaimana orang Melayu berpecah-belah, orang Melayu jahanam langsung. Jadi ini satu pengajaran kepada kita pada masa yang akan datang dan bagaimana pula di Sabah dan Sarawak, bagaimana bumiputra pula dijajah dan dijajah akhirnya tidak mempunyai pelajaran dan sebagainya. Dan bagaimana pula Inggeris membawa orang-orang lain masuk ke negeri ini dan menjadi warganegara di sini dan kemakmuran ini adalah kemakmuran yang bersama-sama yang kita buat sampai kita mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos, tahun 1957 dan macammana pada hari ini kita telah mencapai kemakmuran sampai hari ini. Saya ingat adalah penting. Kalau tidak begitu, orang was-was tiap-tiap kali bertanya hendakkan Bahasa Kebangsaan, hendak tiga bahasa, hendak 10 bahasa di negeri ini menjadi Bahasa Kebangsaannya.

Dengan adanya ini, saya ingat, Tuan Pengerusi, aman damai kita hidup selamalamanya oleh kerana mengerti daripada basic negeri ini. Kalau tidak esok ada lagi

pertanyaan, lusa ada lagi pertanyaan. Oleh kerana apa? Kita tidak mempunyai pelajaran dan kita tahu, boleh dimain-mainkan oleh politician yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu, saya hendak bercakap pendek sahaja, walaupun banyak lagi saya hendak bercakap tetapi pendek sahaja oleh kerana masa tidak cukup. Di sini berkenaan kemajuan-kemajuan hendaklah ditunjukkan lebih banyak lagi oleh kerana orang-orang kampung akan menengok kemajuan ini dan peti-peti talivisyen ini tiap-tiap kampung mestilah diadakan percuma oleh Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab oleh kerana orang kampung tidak dapat membelinya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, pada masa rombongan kami melawat Jakarta, masa Indonesia mencapai Kemerdekaan dahulu, ada jurugambar dihantar oleh Talivisyen Malaysia. Pada masa yang akan datang diharapkan kalau dihantar jurugambar, allowance diberi kepada dia. Dia tidak berelaun, bagaimana dia hendak makan dan belanja sampai di Jakarta. Nasib baik ada orang kita Malaysia bersama-sama, kalau tidak di mana hendak pinjam? Jadi, pada masa akan datang, saya harap jurugambar-jurugambar kita ini mestilah diberi elau lebih dahulu. Apa yang saya cakapkan ini adalah perkara yang betul berlaku. Kalau kita tidak beri elau mereka tidak boleh bekerja dengan betul.

Selain daripada itu, berkenaan program wrestling. Program ini disukai sangat oleh orang kampung. Kalau boleh diadakan program wrestling dan boxing ini dua kali seminggu. Ini ada lebih baik daripada filem-filem yang lain itu. Saya adalah menyampaikan kehendak orang kampung. Saya harap mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: (Kepada Tuan Hashim bin Gera). Tidak payah angkat tangan, bukan dalam bilik sekolah. Speaker akan jemput.

4.02 ptg.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap menyokong Perbekalan yang dikemukakan oleh Kementerian Penerangan yang sedang dibentang di hadapan kita pada petang ini.

Saya hendak bercakap sedikit mengenai P. 35 berkenaan dengan Studio-studio Filem Negara, Kuala Lumpur. Filem Negara ini pada masa dahulunya adalah dia berseendirian dipimpin oleh seorang bumiputra yang luas pengalamannya dalam soal perfileman dan cara-cara teknik mengambil gambar. Pada masa bertugas di Filem Negara dia telah mendapat kepujian, telah mendapat oscar, telah mendapat berbagai-bagai kepujian di seluruh dunia international, tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, dia telah dipisahkan daripada Filem Negara, oleh kerana samada umurnya telah cukup, saya tak tahu, akan tetapi apa yang terdengar di telinga saya dia telah dipisahkan oleh kerana sabotaj anti-nasional yang ada di dalam Filem Negara itu, hingga dia keluar.

Hari ini dia telah bekerja dengan Syarikat Dewan Pembangunan Negeri Perak. Walaupun gajinya lebih besar, tetapi kita telah kehilangan seorang yang mempunyai pengalaman dalam perfileman, kerana Filem Negara ini adalah satu alat yang dapat menyatu-padukan ke seluruh rakyat negara ini yang berbilang bangsa. Dia dapat menunjukkan kebudayaan-kebudayaan yang berdasarkan kebudayaan Malaysia ke seluruh dunia dan dapat menyatukan ke semua warganegara negeri ini.

Tuan Pengerusi, semenjak dia pergi digantikan oleh orang yang di bawah tangannya, Filem Negara membeku dan tidak dapat membuat sesuatu filem yang bermutu, dan akhirnya Filem Negara telah tertakluk hari ini di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Oleh yang demikian Kerajaan mestilah mencari pengganti-pengganti, jika dapat ambil dia kembali. Jika sekiranya umurnya telah mencukupi 55 tahun, jika Kerajaan boleh menyambungkan kaki-tangan Kerajaan yang di Pejabat-pejabat Kementerian yang lain berkhidmat dari setahun ke setahun, maka dia juga diberi peluang memandang kepada kebolehannya supaya Filem Negara itu dapat dihidupkan kembali.

Semenjak ia pergi apa yang saya tahu di setor Filem Negara di Petaling Jaya sana tidak kurang daripada \$800,000 alat-alat perfileman yang tidak boleh digunakan oleh orang yang kemudian daripadanya, hanya dia sahaja yang mengerti. Sungguhpun dia tak ada mempunyai ijazah dalam perfileman, tetapi dia ada mempunyai pengalaman yang luas. Dia adalah bekas seorang Pegawai Tentera Laut dan namanya ialah Encik Zain Mahmood.

Tuan Pengerusi, kerana Filem Negara sebagai saya katakan tadi sebagai satu alat untuk menyatupadukan rakyat di negara ini, maka mestilah Kerajaan berikhtiar dengan seboleh-bolehnya dan mengambil ingatan seorang pegawai yang bermutu dan berkebolehan janganlah mudah disingkirkan sebelum membuat sesuatu penyiasatan yang memberi faedah kepada negara dan rakyat negeri ini.

Yang kedua, saya suka mengambil bahagian bercakap sedikit, Tuan Pengerusi, P. 36 berkenaan dengan Jabatan Penyiaran. Hari ini apa yang saya dapati siaran-siaran dalam bahasa kebangsaan daripada Radio Malaysia terutama sekali dalam "siaran pantun-pantun" yang dikemukakan pada tiap-tiap hari minggu itu mutunya tidak bernilai. Peraduan pantun yang dibuat tidak mengikut sistem kaedah-kaedah pantun Melayu yang sebenar. Mengikut kaedah pantun Melayu yang sebenar jika hujung rangkap yang pertama itu "gi" maka rangkap yang ketiga mesti juga "gi". Tetapi dalam berbalas pantun yang dikemukakan pada hari minggu itu, dia pakai buat-buat sahaja mengikut kehendak hatinya, oleh yang demikian akan merosakkan cara-cara menengarang pantun Melayu. Kalau pantun Melayu yang betulnya mestilah kalau di hujungnya "gi" rangkapan yang pertama dan yang ketiga mesti "gi", misalnya:

Ombak di pantai meniti buih,
Indah laksana intan permata;
Pernakah tuan bermain kasih,
Apakah dia erti cinta.

Maka boleh dijawab oleh seorang lain dengan menepati sebagaimana pantun Melayu:

Sayang Cik Munah menanam selasih,
Selasih datang dari Jawa;
Saya tak pernah bermain kasih,
Dari muda sampai ke tua.

Tetapi dalam pantun yang dikemukakan pada hari minggu itu tidak bermutu.

Tuan Pengerusi, begitu juga dalam siaran-siaran filem-filem "Potret Pekerti", hari ini mutunya makin merosot. Bahasa yang digunakan di dalamnya bercampur-aduk, ini akan mengelirukan anak-anak muda angkatan baru yang cuba mempelajari Bahasa Kebangsaan. Dan pihak Radio Malaysia selalu menyiarkan, "kami akan menyiarkan satu drama mengikut kesukaan ramai, disukai ramai. Dari segi manakah Radio Malaysia menilaikan kesukaan ramai itu? Tetapi kalau kata, kami menunjukkan Wrestling, Boxing, kesukaan orang ramai saya mengaku seratus peratus.

Dengan sebab itu, bagi pihak Menteri Penerangan mengambil perhatian supaya siaran-siaran yang dikemukakan hari ini bermutu dan hendaklah cerita-cerita yang dikemukakan daripada Radio, Talivisyen Malaysia itu di dabbing, diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Ini yang dibuat oleh Talivisyen Malaysia, cerita Astro Boy, cerita katun untuk budak-budak, padahai orang tua-tua pun suka menengok cerita itu, tetapi oleh sebab dia tidak pandai cakap Inggeris T.V.-nya ditutup. Jikalau jiran tetangga kita, misalnya di Thailand dan di Singapura cerita Inggeris boleh diterjemahkan ke bahasa Cina, apa salahnya di Malaysia cerita yang baik-baik macam "Mannix" dan cerita-cerita yang lain yang bermutu diterjemahkan ke bahasa Melayu, sebab di studio Angkasapuri sana ada alatnya yang mencukupi yang sudah dibeli beratus ribu ringgit tetapi tidak digunakan. Inilah sahaja teguran saya kepada pihak Radio dan Talivisyen supaya memuaskan hati keseluruhan rakyat di negara ini.

4.10 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya cuma ada dua tiga perkara yang saya ingin bangkitkan di dalam B. 35—Kementerian Penerangan.

Yang pertama, Pentadbiran Am. Saya rasa Kementerian ini tak begitu mengambil berat di dalam soal mengutip bayaran lesen radio dan talivisyen. Apa yang saya tahu banyak sangat radio dan talivisyen tidak berlesen, mungkin talivisyen tidak begitu banyak, tetapi radio banyak yang tak berlesen. Dan saya tahu bahawa yang tak membayar lesen radio itu ialah orang kampung yang miskin, kerana mereka tidak dapat hendak membayar \$12 setahun. Apa yang saya minta kepada Menteri berkenaan

supaya dikaji semula bayaran lesen radio \$12 itu diturunkan kepada \$8 atau \$5. Kalau keseluruhan yang memakai radio membayar lesen, walaupun \$5 adalah lebih baik daripada kita kenakan \$12 tetapi hanya separuh sahaja yang membayarnya.

Yang kedua bersangkut-paut dengan Bahagian Perdagangan. TV Malaysia hanya memikirkan soal wang. Kalau ada pedagang-pedagang ataupun orang yang hendak mengiklan satu-satu iklan, dia hanya memikirkan soal itu boleh memberi wang kepada TV Malaysia, dan tak memikirkan langsung soal quality ataupun benda yang hendak di iklan itu. Oleh sebab itu, kadangkala kita dapati gambar-gambar iklan itu telahpun menyalahi daripada kehendak-kehendak kita. Kadangkala benda itu tidak sesuai langsung dan tak secocok dengan kehendak kita, orang-orang Melayu dan orang-orang Islam. Oleh itu, perkara ini mestilah difikirkan betul-betul oleh Kementerian yang berkenaan.

Yang ketiga, saya berharap supaya TV Malaysia ini lebih banyak membuatkan program yang bersangkut-paut dengan mendidik kerohanian kepada seluruh rakyat jelata di negara ini, khasnya yang memberikan pelajaran kepada kanak-kanak yang dibangku sekolah dan anak-anak kecil. Budak-budak gemar tengok TV, jadi sedikit sebanyak pendidikan kerohanian mereka akan dipati daripada menengok TV. Itulah sahaja sedikit sebanyak yang ingin saya cakapkan pada hari ini.

4.13 ptg.

Dr Seevaratnam (Seremban Barat): (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, there is no doubt that this Department is one of the most important in any Government administration. However, Sir, it can be used for the good or the detriment of society. Mass media is becoming popular in all parts of the world.

Here in Malaysia, it can be used very judiciously to foster national unity, but our programmes do not reflect the multi-racial composition of this country. The Indian programmes are far from satisfactory. I have received many complaints from Indian viewers that these programmes are lousy, badly arranged and presented. There are too many interferences by other programmes like propaganda and advertisements interspersed in between a long interesting film.

These complaints have been brought up in this House on many occasions but they have fallen on deaf ears or given lame excuses for such genuine complaints. The Information Ministry must see to it that such complaints are attended to and rectified especially when they come from such a large majority of Indian viewers for, after all, the main thing is to satisfy the audience and the viewers. It is very frustrating and irritating and one's entertainment becomes a nightmare. It is a common and well-known fact not only in this country but throughout the world that seeing TV at home is a well and pre-arranged affair. They even have pre-set TV dinners and TV chairs so that people can relax comfortably. People in these places have baths early, dinner for the whole family is timed to suit the programme and everyone sits down to have a good entertainment but soon they are disillusioned. It is better to show the news and propaganda materials at the early part and entertainment items kept towards the latter part of the night without any interference whatsoever, and when all the household chores have been completed.

It is probably the aim of the Information Ministry to force people to see the propaganda stuff but it is common knowledge that people usually switch off any programme that they do not want to see. It is only fair, Sir, that the people who wish to see such stuff be given a clean and uninterrupted view so that they can be satisfied with the good works carried out by the Government. Interruption, therefore, Sir, cuts both ways and the present system is unsatisfactory to both kinds of listeners and viewers. Not only that, Sir, I think it has a bad psychological effect.

Further, Sir, very few cultural films are shown during the festive occasions. So people cannot appreciate and show genuine interest in the programmes suitable for that auspicious and happy day. The Ministry should also encourage and train our local artists to produce our own programmes with our own national image. This will go a long way to promote national unity. Also, Sir, at the same time, we must import interesting cultural and entertaining films from other countries to stimulate and foster our cultural unity and interest.

I note with regret that not sufficient emphasis is given to our ASEAN and Asian image. We should have more interchange of

programmes and artists with ASEAN and Asian nations thus to impart our points of view and see their points of view and thus encourage greater unity, understanding and friendship between these countries. This should not be confined only to news items but pictorial view of these countries and people, their customs and religions, cultures and other educational and scientific films also. We must also make use of Telester or satellite station in Kuantan and also the one over the Indian Ocean to get and relay news and views from all over the world. I know this will be expensive but it is worth the money and our people, especially those who cannot afford to travel, will derive considerable benefit and have an idea how the rest of the world lives. We must understand that mass media is not mainly for news and propaganda but also for education and entertainment.

Sir, in the Red Book on Page 528, under Voice of Malaysia, I see that they have broadcasting in Indonesian, English, Mandarin and Thai languages and in 1973, they have started increasing the hours for Thai broadcast.

Further, in 1974, I note that Vietnamese, Burmese and Khmer language are also to be introduced but I find that the Tamil language is not included in this item. I feel, Sir, that there are a lot of Tamils in Ceylon and India who are very interested in our welfare and the development of the country, especially when they have close relatives and friends in this part of the world. I would, therefore, suggest that the Ministry introduce Tamil as one of the languages in the Voice of Malaysia.

Finally, Sir, I remember the Minister of Information once said that the ban on the advertisement of cigarettes has not brought down the number of people smoking cigarettes, so why should we lose the revenue. For that matter, Sir, even doctors smoke, so why should'nt the patients. In any information, we should give the true picture and if smoking is bad, we must say so and not glamorise it. We must stop cigarette advertisements, Sir.

4.20 *ptg.*

Datuk James Wong Kim Min (Miri Subis):
Mr Chairman, Sir, I shall be short and sweet in this particular instance.

Firstly, Sir, I would like to take this opportunity to voice the appreciation of those in Sarawak for what the Federal Government is doing in improving the facilities of radio and also for the introduction of TV to Sarawak.

Sir, I would now like to refer to sub-head 1100 in connection with the general administration. However, Mr Chairman, improving the facilities and the broadcasting capacity of the radio alone is not the only thing that matters. What really matters also is the quality and the method by which these broadcasts are made. In Sarawak, I am rather sad to say, the radio broadcast over there is now suffering a crisis of credibility; in other words, a crisis of confidence, Sir. In fact it is not uncommon to hear in the rural areas some people say: "Oh, our radio? It is radio borak", instead of Radio Sarawak, Sir.

Tuan Pengerusi: Radio apa?

Datuk James Wong Kim Min: Radio borak, radio bohong.

Tuan Pengerusi: Bohong!

Datuk James Wong Kim Min: Radio bohong they say but "borak" is the local lingo, Sir. It is not uncommon. Now this has come about as a result of Radio Sarawak publishing untrue and false information over the air. Well, I will cite a recent instance, Sir. 106 people were reported to have left the SNAP during the Rajang Constituency bye-election, just before the election. Now, this is not true. In fact a statement came out from the Secretary of the SNAP who said there was no such man and he was never a member of that party. This is the point, Sir, that Radio Sarawak should check on the information before they publish it and if they have in good faith published false or untrue information which was given to them, then they should make a correction over Radio Sarawak. But, in this particular case, Sir, no correction was made, the people of Rajang were very unhappy and the SNAP wrote to the Director of Radio in Sarawak, but this wrong information was not retracted over the Radio. Now, Sir, this brings discredit to Radio Malaysia.

Therefore, Sir, I would like to ask the Minister concerned to please visit Radio Sarawak more often and to look into the quality and the content of the broadcast there. Although Radio, Sir, is a delegated

authority in as far as Sarawak is concerned, it is still a Federal responsibility nonetheless and therefore Federal Ministers are responsible to see that the quality of the Radio service there is maintained.

The other point, Sir, which I would like to bring up here is again the question of the Information Service. Information Service has been used by Ministers, and rightly, Sir, for civic courses, for giving out information and so on, but then when the information service is being used at rallies during the time of polling, then I think in fairness, under Masyarakat Adil, since the polling is on, the Opposition should also be given the facilities at these rallies to make their speeches since the facilities are provided by the Federal Government and therefore there must not be unfairness. If Masyarakat Adil is our national ideology, then let us spread this Masyarakat Adil.

The other point, Sir, which I would like to say here is that we do not grudge the Government and Ministers the time they use on Radio Sarawak in using it for Government purposes and so on because it is only fair and right, but what I would like to emphasise is that the Government Ministers have 365 days and nights in the year where they can make use of these facilities. Therefore, at least, if it is being used for the polling day, give the Opposition a chance.

Tuan V. David: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Five minutes only—the last speaker. You may speak till 4.30 p.m.

4.24 ptg.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Thank you, Mr Chairman, Sir, I would like to add what has already been said by the previous Members in respect to the programmes. Sir, it is most humiliating and outrageous how programmes are being presented to the people of this country. Sir, I will quote some figures which are very amazing. Sir, the time allocated weekly in the Television for Bahasa Inggeris is 42 hours; Bahasa Malaysia—19 hours; Bahasa Cina—5½ hours; Bahasa Tamil—4½ hours.

Sir, Bahasa Inggeris takes 52 percent of the programmes, Bahasa Malaysia 23.6 percent, Bahasa Cina 6.5 percent of the programmes and Bahasa Tamil 5.4 percent of the programmes and the rest, of course for the others.

Mr Chairman, Sir, I don't understand how national unity can be fostered and how the Government visualize to bring about an integrated society. The manner in which programmes are being presented seems to be that there is not respect for traditional values and cultures of the respective communities.

Sir, a lesson can be learnt from the Singapore programmes even though we do not like to refer to Singapore as a reference but we cannot escape from the fact that the programmes presented over the Singapore Radio and Television are far more superior and of better quality than what is being presented in this country. Sir, even the Malays prefer to listen to the programmes in Malay from Singapore than here.

Mr Chairman, Sir, the Tamil programme is being manipulated and I would say that the time allocated for the Tamil and Chinese programmes is just a window dressing and it is just a bluff to mislead and deceive the people of this country.

Mr Chairman, Sir, we ask the Government that if it is really sincere, then there should be fair time allocated for the various programmes in the various languages. For instance, on the Hindu festival day, i.e. Deepavali, there was no Tamil programme as such. The whole programme did not reflect the cultural celebration of the festival, purely we had a programme in Bahasa Malaysia, but how on earth could it reflect the cultural background and the traditional values, I do not understand.

Mr Chairman, Sir, the Tamil, Chinese and also the Malay programmes must have reasonable time, but the programmes in the television is full of propaganda—small UMNO district meetings being opened, presidents presenting cheques, Ministers walking about—all these are in the television and it is disgusting and humiliating to see these programmes.

Mr Chairman, Sir, I have a lot of respect for the new Minister who has taken over the portfolio. I am sure that he will find ways and means to restructure Television and Radio Malaysia programmes before we can restructure our society. If we do not restructure these basic things, I do not know how we are going to restructure our whole society. It is going to be just sugar-coated words especially during election times when we say so many things.

Sir, there have been a number of resolutions passed both by the Malaysian Indian Congress and the Malaysian Chinese Association regarding their dissatisfaction over the radio and television programmes. I am sure the Ministers concerned and responsible for their own organisations do not have the guts to speak here, but I must tell the Minister that as far as the people of this country are concerned, the Chinese speaking community, even the Malay speaking community and the Tamil speaking community are terribly disgusted over the manner the programmes are presented.

Sir, I call upon the Minister to allocate reasonable time for the various communities so that all can enjoy the programmes in a just and fair manner as the Government has always declared that it is fair and just. Thank you very much.

4.28 ptg.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan bagi pihak Yang Berhormat Menteri, teguran-teguran dan juga kritik-kritik yang agak membina dan ada juga "destructive", walau bagaimanapun bagi pihak Kementerian ini dan juga Menteri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih pada pandangan-pandangan yang diberikan dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian ini. Saya tidaklah berhajat hendak menjawab satu-persatu teguran-teguran itu, tetapi saya akan cuba memberikan penjelasan dalam beberapa perkara yang saya fikirkan patut.

Dalam soal mengadakan "single net work" di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak memanglah sedang dikaji masalah ini dan adalah diharap kajian itu akan dapat diselesaikan dalam masa sesingkat-singkatnya, tetapi masalah yang besar ini ialah jarak jauh (distance) daripada Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Inilah perhitungan yang sangat besar, kerana tiap-tiap transmitter yang kita pasang ataupun jarak yang dipasangkan itu memerlukan belanja yang banyak. Walau bagaimanapun masalah ini adalah satu perhitungan yang diberi kajian yang mendalam oleh Kementerian ini dan diharap satu-satu perkara akan dapat dilahirkan dalam tahun 1974 ini.

Begitu juga dalam soal TV selalu rosak. Soal ini disebabkan di setengah-setengah tempat itu transmitter terlalu lama dan

lebih kurang 50% daripada transmitter yang ada pada hari ini di seluruh Semenanjung Malaysia adalah ditanam atau dipasang dalam tahun 1962 dahulu iaitu semasa TV kita bermula. Mengikut kajian pihak-pihak jurutera "lifetime" untuk satu-satu transmitter ini ialah 10 tahun sahaja. Pada tahun ini kita telahpun meminta kepada pihak Kerajaan untuk menggantikan transmitter yang lama ini dan diharapkan dengan penggantian transmitter-transmitter lama ini dapatlah kita mengelakkan gangguan-gangguan ataupun kerosakan-kerosakan yang berlaku.

Dalam soal dakwah Islam, memanglah tahun ini kita telah menubuhkan satu Bahagian Dakwah di Kementerian kita bagi "coordinate" badan-badan dakwah yang ada, samada di bawah Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam (Federal) ataupun Badan-badan Dakwah yang lain dan dengan itu dapatlah kita mengadakan program dakwah dan dengan adanya Bahagian Dakwah ini, maka dapatlah kita melicinkan lagi memberi kepenuhan untuk kehendak-kehendak pihak yang berkenaan.

Dalam soal citizenship. Ini memang kita ada. Memang kita mengeluarkan dari masa ke semasa cara-cara, bukan sahaja dalam soal citizenship, perkara-perkara yang lain juga kita tunjukkan di TV dan juga mengadakan pamphlet supaya orang ramai faham. Walau bagaimanapun kita bolehlah adakan lagi forum-foram dan juga pamphlet yang lain jikalau difikirkan patut kerana pihak Kementerian ini bukan saja saya katakan tadi memberi penerangan dalam soal citizenship ini tetapi juga dalam perkara-perkara yang lain.

Satu perkara yang suka saya jelaskan di sini, oleh kerana Kementerian Penerangan ini—Radio dan TV adalah dipanggil "Government owned" Radio and TV; jadi priority dan keutamaan diberikan kepada polisi-polisi Kerajaan dan juga penerangan-penerangan berkaitan dengan penyampaian polisi-polisi Kerajaan kepada orang ramai. Ada juga yang mengatakan Menteri-menteri, Menteri Besar dan Chief Minister telah bercakap di merata-merata tempat dikeluarkan di radio dan TV. Suka hendak saya sebutkan di sini samada Menteri atau Menteri Besar atau Chief Minister bercakap samada di political rally ataupun di Government function maka jawatan mereka itu tidak dapat kita pisahkan, maka kita memberi liputan

kepada beliau samada Menteri, Menteri Besar atau Chief Minister di mana-mana juga mereka pergi dan berucap. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi mass media ini adalah mass media Kerajaan dan keutamaan diberikan kepada penyampaian polisi-polisi Kerajaan yang kita fikirkan patut dari satu masa ke satu masa.

Saya sangat tertarik hati kepada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bungsar hendak mengadakan supaya radio dan TV kita ini di "commercialisekan" seperti di negara-negara lain kerana katanya dapatlah qualitynya itu diperbaiki. Dia memberi contoh Hongkong. Saya berasa hairan mengapa dia memberi contoh Hongkong dan tidak memberi contoh kepada Singapura ataupun negara-negara seperti di Russia atau Peking. Bagi himat kita Government owned radio and TV itu lebih memberi kepuasan kepada rakyat daripada apa yang saya dapati sendiri commercial TV atau radio samada di Amerika atau di negeri-negeri lain selalunya radio dan TV itu ialah kepunyaan satu-satu pihak dan dia hanya mengeluarkan kepada "vested interest" sahaja. Inilah bahayanya kalau kita ikut sangat kemodenan pihak-pihak yang tertentu kerana yang boleh menjalankan TV commercial ini ialah pihak-pihak orang kaya belaka. Selalunya kalau kita dengar commercial TV atau radio apabila mengeluarkan "editorial comment", itu selalunya memberikan kepada "vested interest" dan kepada satu-satu pihak sahaja. Bagi kita, Kerajaan pada hari ini adalah dilantik oleh rakyat, Kerajaan rakyat dan suara rakyat dan tujuan kita ialah hendak memberi liputan yang seadil-adilnya kepada rakyat di negeri ini kerana apabila kita menang pilihanraya bukan lagi merupakan wakil rakyat daripada Gerakan, Pekemas, UMNO atau MCA, tetapi kita ialah wakil rakyat bagi satu-satu kawasan pilihanraya. Pada pendapat Kerajaan hari ini eloklah radio dan TV ini dijalankan oleh Kerajaan dan tidaklah patut diberikan kepada "commercial sector" seperti yang disyorkan oleh wakil dari Bungsar. Beliau menyebutkan juga soal Education TV dan Sex Education. Yang sebenarnya sungguhpun TV Pendidikan ini dikeluarkan oleh TV Malaysia tetapi "programme content" ialah diorganais, dijalan atau disediakan oleh Kementerian Pelajaran dan bolehlah saya bawa perkara ini kepada mereka dan dari

satu masa ke satu masa memanglah tujuan Kementerian Penerangan dan Pelajaran untuk memberikan program-program di bawah ETV itu benar-benar untuk murid-murid kita.

Di samping itu juga dari segi program pendidikan ini TV Malaysia sendiri ada mengadakan program untuk kanak-kanak. Misalnya kita ada baharu-baharu ini Stage I Mari Melukis dan lukisan-lukisan itu kita pamerkan bukan sahaja di negara ini, tetapi juga di negara lain. Satu program yang akan dikeluarkan dalam bulan ini atau awal bulan hadapan dipanggil Saintis Muda. Ini juga ditujukan atau yang mengambil bahagian anak-anak sekolah dan juga mereka yang mahir dalam satu-satu perkara supaya mereka itu bersoal jawab di situ. Program itu bercorak educational kepada murid-murid kita. Memanglah tujuan kita mengkhaskan air-time kita di TV daripada pukul 5.00 sampai pukul 7.00 petang selalunya kita hadkan air-time kepada budak-budak atau anak-anak sekolah.

Dalam soal industri perfileman, memang Kementerian ini menyokong perusahaan-perusahaan perfileman di negara ini dan dari masa ke semasa memang pegawai-pegawai di Kementerian ini berunding dengan syarikat-syarikat filem tempatan bagaimanakah cara-cara hendak membanyakkan pengeluaran filem-filem tempatan. Kita tahu misalnya hendak mengadakan filem Melayu, Cina dan Tamil cukup susah hendak mendapatkan hari ini. Inilah satu faktor yang menyebabkan boleh jadi setengah-setengah filem samada filem Melayu, Tamil dan Cina itu tidak dapat memberi kepuasan kepada orangramai. Satu perkara yang kita kena faham bahawa filem-filem yang dikeluarkan iaitu commercial filem atau feature filem ini mereka keluarkan filem-filem ini untuk cinema bukan untuk TV. Kebanyakan filem itu dikeluarkan berukuran 35 mm tetapi TV kita ini berukuran 16 mm. Boleh juga kita gunakan keluaran 35 mm, ada juga projektor kita, tetapi pada keseluruhannya feature filem yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem ini adalah ditujukan kepada panggung wayang dan bukan untuk TV, walau bagaimanapun kita berusaha mendapatkan filem-filem ini disesuaikan untuk TV kita.

Berhubung dengan soal feature filem yang dibangkit mengenai dubbing. Mengikut keadaan hari ini seluruh program kita diharapkan 60% daripadanya ialah program tempatan, 15% daripada sub-title dan 25% daripadanya dubbing. Polisi dubbing kita pada hari ini kita tidak hendak dub English speaking film. Yang kita dubbing hari ini filem yang bukan dalam bahasa Inggeris kerana filem dalam bahasa Inggeris itu kita beri sub-title tetapi kalau filem comedy kita dubbing ia akan lari dari keseronokannya, sense of humour itu lari apabila kita dubbing dalam bahasa kita. Itulah kita tidak galakkan English speaking filem ini didubkan tetapi kita buat sebagai sub-title untuk memenuhi kehendak orang-ramai.

Begitu juga dengan filem-filem sejarah Malaysia seperti yang disebutkan tadi. Kita memang berkehendakkan filem-filem seperti ini. Setakat hari ini boleh saya katakan pihak Kementerian Penerangan atau Radio dan TV atau Filem Negara tidak berkemampuan untuk menghadapi masaalah yang besar seperti ini kerana yang pertama sekali hendak mengadakan skrip yang betul-betul mengikut sejarah yang dikehendaki dan keduanya commitment kita di R.T.M. ini terlalu besar untuk memenuhi kehendak negara iaitu mengisi 60% production tempatan kita, maka itulah sebabnya mulai dari tahun ini, kita satukan soal filem—Filem Negara dengan TV Malaysia disatukan supaya dapat melicinkan lagi atau melancarkan lagi perjalanan dan pengeluaran filem ini. Walau bagaimanapun bolehlah kita mencari jalan supaya filem sejarah ini dapat kita buat kalau kita tidak buat pun kita cari jalan bagaimana dibolehkan filem-filem ini. Seperti yang saya katakan tadi, masaalah yang besarnya ialah hendak mengadakan skrip dan juga yang betul-betul mengikut kehendak negara kita dan sejarah yang sebenarnya.

Soal wrestling. Wrestling ini ada dua schools of thought. Setengahnya suka wrestling, tetapi mereka yang setengah itu tidak berapa suka kerana kebanyakan daripada wrestling itu is a fake event. Kalau kita hendak tambah satu lagi item bagi satu minggu barangkali berat sedikit kerana tidak dapat mengikutnya, tetapi rating wrestling tidak begitu tinggi, sungguhpun tinggi tetapi tidaklah begitu patut kita adakan dua

program lagi pun masaalah yang besarnya ialah hendak mendapatkan filem-filem wrestling ini. Inilah perkara yang saya fikir yang berat sedikit bagi pihak Kementerian ini untuk mengadakannya 2 kali dalam seminggu dan kalau kita menyuruh pula tiap-tiap orang menengok wrestling tiap-tiap minggu 2 kali, jadi kita banyak pula wrestlers di negara kita ini kelak.

Soal pantun. Ini katanya lari daripada yang asal. Tetapi yang saya dengar tadi pantun yang disebutkan dalam Dewan ini semata-mata pantun berasmara. Pantun ataupun program kita yang dikeluarkan oleh R.T.M. tidaklah pantun berasmara sahaja. Kita berkehendakkan program termasuklah pantun itu yang boleh menaikkan semangat rakyat pada pembangunan dan ada educational, kerana polisi Kementerian ini, R.T.M. telahpun disebut bukan lagi semata-mata sebagai entertainers tetapi yang lebih penting sekali ialah memberikan program yang bercorak educational dan developmental, kerana kita berkehendakkan di waktu ini dalam zaman pembangunan ini rakyat kita menyambut pembangunan-pembangunan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan, maka itulah kita memberikan keutamaan kepada program yang bercorak pembangunan seperti yang disebutkan tadi, soal Mid-Term Review. Program ini juga akan ke udara pada penghujung bulan ini dan satu lagi program yang bercorak pembangunan ialah seperti pembaharuan juga akan dikeluarkan dalam penghujung bulan ataupun pada awal bulan hadapan.

Pantun yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi barangkali pada hari itu dia mendengar pantun itu tidak sesuai kerana pantun ini banyak. Kadang-kadang pantun kita out of stock. Jadi pantun ini kalau hendak berlelong di kalangan asmara tadi, kita tidak berapa suka pada itu kadang-kadang ada kata-kata yang berasmara, tetapi matlamatnya kepada pembangunan dan educational.

Soal ASEAN memanglah seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi, kita memang mementingkan dan memerlukan berita-berita ASEAN dan baru-baru ini juga kita adakan mass media dan communication seminar di mana wakil-wakil daripada ASEAN turut hadir dan pakar-pakar yang terkemuka yang kita kaitkan soal pembangunan mass media dan juga ekonomi

telah diambil bahagian baru-baru ini pada minggu yang lalu dan hasil daripadanya, tidak lain dan tidak bukan ialah bagaimana cara kita hendak menggunakan mass media ini kepada projecting menyalurkan rancangan-rancangan kemajuan pada orang-orang dan ini adalah satu perkara yang sangat besar ertinya kepada kita kerana kita pada hari ini mengambil bahagian yang besar mengeluarkan program yang besar berhubung dengan development kita.

Soal berita-berita ASEAN memanglah seperti di Jakarta kita bergantung kepada BERNAMA, ada wakil BERNAMA di sana, di Bangkok kita ada wakil BERNAMA di sana, dan di Singapura kita dekat dan di negeri-negeri lain kita bergantung juga kepada agensi-agensi yang lain, tetapi di negara-negara ASEAN memang telahpun difahamkan bahawa kita bertukar-tukar news atau program dalam perkara ini dan ini dijalankan dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan yang kita boleh buat. Masaalah yang besarnya ialah soal satu-satu program itu kadang-kadang sesuai bagi sesebuah negara, tetapi tidak sesuai bagi sebuah negara yang lain kerana tiap-tiap negara itu kita ada polisi kita sendiri dan negara lain pun ada polisinya sendiri.

Begitu juga berkaitan dengan soal supaya kita mengikut saluran Radio Singapura atau TV Singapura. Di sini suka saya hendak menegaskan, Singapura dan Malaysia adalah 2 buah negara yang berlainan dan kedudukan masyarakat di Singapura yang berlainan daripada masyarakat di Malaysia dan di Singapura pula dikatakan 85% atau 90% daripada rakyatnya dari satu keturunan sahaja dan bagi kita di sini rakyatnya terdiri daripada berbagai keturunan hampir-hampir sama banyaknya. Corak program yang kita keluarkan itu tidaklah boleh seperti yang dikeluarkan oleh Radio dan TV Singapura, kerana kita kena menyatukan program kita. Kita tidak lagi panggil program untuk orang Melayu, Cina dan India, tetapi kita tujukan program kita kepada program orang-orang Malaysia. Tiap-tiap satu program yang dikeluarkan oleh TV itu adalah untuk kehendak orang Malaysia keturunan Melayu, orang Malaysia, keturunan Cina dan orang Malaysia keturunan India. Di samping itu, kita mengadakan juga filem-filem yang lain seperti feature film untuk mereka yang agak sudah tua yang tidak dapat mengikuti programmes local production kita.

Colour TV, insya Allah kalau kita dapat selesaikan dari segi kewangan pada penghujung tahun hadapan ataupun selewat-lewatnya pada penghujung tahun hadapan dapat kita buat. Ini bergantung kepada transmitter yang saya sebutkan tadi. Kebanyakan transmitter yang kita beli semenjak tahun 1969, 1970 ke atas boleh dikatakan semuanya itu colour compactible, termasuklah transmitter yang dipasang di Kota Kinabalu atau Sabah dan juga transmitter yang akan dipasang di Sarawak, semuanya itu adalah colour compactible, begitu juga transmitter yang ada di Semenanjung Malaysia. Tetapi transmitter yang kita beli pada tahun 1962 dahulu itu perlu diganti dan selalunya bila kita ganti pasaran pada hari ini menjual transmitter yang sudah pun boleh dipanggil colour compactible. Jadi kita harap dapat kita selesaikan replacement transmitter ini pada tahun hadapan, dan insya Allah pada penghujung tahun akan datang dapatlah kita mengadakan TV Colour kita. Begitu juga kemudahan satellite seperti yang saya sebutkan tadi dan kita sanggup membayar wang untuk kegunaan satellite ini asalkan sahaja program-program itu memberi faedah kepada rakyat yang berbilang bangsa di Malaysia ini.

Akhirnya, suka saya hendak menyentuh kepada satu ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang mencuba seolah-olahnya hendak melagakkan Menteri dahulu dengan Menteri sekarang. Suka saya mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa soal polisi satu-satu Kementerian itu bukan dibentuk oleh seseorang Menteri. Tiap-tiap polisi dijalankan oleh satu-satu Kementerian itu adalah hasil ciptaan "collective responsibility of the Government."

Soal Menteri datang dan Menteri pergi itu tidak timbul. Yang timbulnya polisi itu dijalankan, misalnya di Kementerian Penerangan ini sudah ada tiga orang Menteri. Tiap-tiap Menteri itu datang dia menyambung kerja Menteri yang dahulu; yang baharu menyambung yang lama. Soal buruk-baik satu-satu polisi itu bukan ditanggungkan kepada seseorang Menteri, tetapi adalah ditanggungkan kepada Government as a whole. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat faham cara Kerajaan kita pada hari ini. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu sendiri tidak faham dengan cara Kerajaan. Kita berjalan apatah

lagi pengikut-pengikutnya khasnya, langsung buta-tuli dengan soal perjalanan Kerajaan kita.

Jadi, saya suka hendak mengingatkan perjalanan Kerajaan hari ini di bawah satu-satu Kementerian, bukan kehendak satu-satu Menteri, bahkan ialah kehendak-kehendak kabinet seluruhnya, dan Menteri ataupun Kementerian itu sebagai machinery kepada Kerajaan pada hari ini yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak. Jangan beliau cuba hendak mengelirukan.

Berkenaan dengan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain barangkali saya tidak sebutkan satu-persatu kerana hendak memendekkan masa, tetapi insya Allah kepada komen-komen yang membina. Kementerian ini akan cuba usahakan untuk memperbaiki lagi program-program yang ada dalam framework polisi Kerajaan yang ada pada hari ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,271,817 untuk Kepala B. 35; \$48,672,097 untuk Kepala B. 36 dan \$14,800,000 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan Wang sebanyak \$364,376 untuk Kepala P. 35; \$19,240,343 untuk Kepala P. 36 dan \$1,579,384 untuk Kepala P. 37 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

4.51 ptg.

Kepala B. 38 hingga B. 40—

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perbelanjaan pengurusan berjumlah sebanyak \$3,349,220 di bawah Kepala B. 38—Peguam Negara, Malaysia diluluskan.

Tuan Pengerusi, tidak sebagaimana Kementerian yang lain Kementerian saya tiada peruntukan untuk Pembangunan. Apa yang hendak saya nyatakan di sini ialah sebab-sebab perbelanjaan pengurusan itu ditambah.

Empat jawatan Pembantu Undang-undang telah diwujudkan di Negeri Kedah, Kelantan, Trengganu dan Melaka dan Pembantu Undang-undang ini membantu Penasihat Undang-undang dan Timbalan Pendakwa Raya yang mana kerja mereka itu telah

bertambah oleh kerana kemajuan yang pesat dalam Negeri-negeri tersebut. Jawatan-jawatan ini adalah sebagai menggantikan tiga jawatan kerani yang ada.

Untuk membolehkan Undang-undang Semakan, Undang-undang sebelum merdeka dan selepas merdeka diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, Bahagian Terjemahan berkehendakkan beberapa jawatan tambahan iaitu seorang Peguam Kanan Persekutuan, Tingkatan Tertinggi "G" seorang Peguam Persekutuan, seorang Penterjemah Kanan, tiga orang Penterjemah dan tiga orang Jurutaip. Penterjemahan undang-undang ke dalam Bahasa Malaysia ialah suatu proses yang berterusan dan dengan adanya kakitangan tambahan itu banyaklah lagi undang-undang boleh diterjemahkan. Dengan tambahan menyeluruh dalam kerja undang-undang di beberapa Kementerian, seorang pegawai undang-undang akan ditugaskan di tiap-tiap satu daripada Kementerian berikut, iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Jabatan Kastam. Jawatan Peguam Persekutuan akan ditambah menjadi tiga orang.

Satu jawatan baru iaitu Timbalan Pendakwa Raya adalah dikehendaki bagi Negeri Kelantan dan Tindakan Pendakwa Raya ini akan juga menjaga Negeri-negeri Pahang dan Trengganu. Dengan bertambahnya kes-kes Cukai Pendapatan seorang Pegawai Undang-undang adalah dikehendaki bagi menjalankan pendakwaan kes-kes cukai itu. Di Sarawak pula bebanan kerja telah bertambah dan satu jawatan Pegawai Kedet Undang-undang adalah dikehendaki bagi Jabatan tersebut di Sarawak.

Bebanan kerja dalam Bahagian Guaman telah bertambah juga dengan semakin ramai orang membuat tuntutan terhadap Kerajaan atas perkara-perkara kemalangan, pembuangan kerja yang salah dan kecuaiannya di pihak penjawatan awam maka seorang lagi Peguam Persekutuan adalah dikehendaki untuk Bahagian itu. Satu jawatan pegawai kerani adalah juga dikehendaki untuk memberi perkhidmatan menyokong kepada Bahagian tersebut.

Oleh kerana semakin ramai orang telah mengetahui tentang tujuan-tujuan Perkhidmatan Bantuan Guaman, maka adalah dirancangan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu diperluaskan ke negeri Pahang dan

Melaka bagi tahun 1974. Bagi maksud ini empat orang Penolong Pengarah Bantuan Guaman, lapan orang Jurubahasa dan beberapa orang pegawai-pegawai rendah lagi termasuk kerani-kerani adalah dikehendaki. Cawangan-cawangan kecil akan juga dicadang dibuka di Muar dan Kota Bharu.

Tambahan bagi tahun 1974 ialah \$890,020.00.

Kepala B. 39—Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala B. 39 mengenai Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Jabatan ini sudahpun berjalan atas dasar seluruh Malaysia semenjak tahun 1966 dengan pejabat-pejabat cawangannya di tiap-tiap satu dan tiap-tiap negeri dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang telah bertambah iaitu kerja berupa undang-undang dan sosial yang berbangkit dari perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan ini kepada semakin ramai rakyat jelata, terutama sekali kepada mereka yang tinggal di kawasan luarbandar dan memandangkan kepada hal bahawa Pemegang Amanah Raya telah dilantik menjadi pemegang amanah bagi sebelas Unit Trust iaitu hasil dari pindaan yang dibuat kepada Seksyen 87. Akta Syarikat, 1965 maka sembilan jawatan tambahan adalah dikehendaki. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengenai gaji (Personal Emoluments) telah melebihi Anggaran bagi tahun 1973 dengan sebanyak \$63,680.

Kepala B. 40—Jabatan Kebankrapan Malaysia

Sekarang saya merujuk kepada Kepala B. 40 Jabatan Kebankrapan, Malaysia.

Jumlah jawatan bagi tahun 1974 ialah sebanyak 108 berbanding dengan 91 jawatan pada tahun 1973. Ini adalah dianggap perlu memandangkan kepada bertambahnya bilangan kes-kes kebankrapan dan penggugulan syarikat dan cadangan menubuhkan dua buah cawangan pejabat baharu iaitu satu di Seremban dan lagi satu di Kuantan.

Berkenaan dengan perkara ini adalah dikehendaki 17 jawatan baharu iaitu dua orang Penolong Pegawai Pemegang Harta dan lagi 15 orang pegawai-pegawai yang kecil.

Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1974 ini ialah \$822,000 dan ini bermakna tambahan sebanyak \$142,765.

Peruntukan ini di bawah Perkhidmatan dan Bekalan bertambah sebanyak \$91,963 dari \$37,200 bagi tahun 1973 menjadi \$129,163 bagi tahun 1974, ini ialah disebabkan bayaran sewa ruangan Pejabat dan penubuhan pejabat-pejabat baharu yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan peruntukan di bawah Kepala B. 38, B. 39, dan B. 40 diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,349,220 untuk Kepala B. 38; \$1,228,285 untuk Kepala B. 39 dan \$822,000 untuk Kepala B. 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

5.00 ptg.

Kepala B. 41 dan P. 41—

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Dewan ini meluluskan perbekalan sebanyak \$13,678,680 yang ditunjukkan di bawah Kepala Bekalan B. 41 untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Perbekalan yang diminta ialah untuk kedua-dua perbelanjaan pengurusan dan pembangunan untuk memajukan dan mengembangkan rancangan-rancangan buruh dan tenaga rakyat. Semua usaha akan ditumpukan untuk mencapai yang berikut:

- (a) Untuk menyusun semula dan menggalakkan satu tenaga kerja yang seimbang mengikut kaum, sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru;
- (b) untuk melindungi, menggalak dan memperbaiki kebajikan dan keadaan pekerja-pekerja;
- (c) untuk memajukan perhubungan perusahaan yang baik di antara majikan dan pekerja dan menggalak perkembangan perhubungan perusahaan yang sihat dan kesatuan-kesatuan sekerja yang bertanggungjawab;

(d) untuk menyediakan kemahiran-kemahiran perusahaan yang asas bagi mereka yang menganggur dan memperbaiki lagi taraf kemahiran tenaga buruh; dan

(e) untuk memudahkan penggunaan yang lebih akan sumber-sumber tenaga rakyat dalam negara dan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk warganegara.

Di samping itu, Kementerian juga memberi sumbangan-sumbangan kepada badan-badan berkanun dan institusi-institusi yang berkaitan terus dengan gerakan-gerakan Kementerian dan juga kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa kepada mana Malaysia merupakan Negara ahli.

Cadangan-cadangan Jawatankuasa Bertugas (Task Force) yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menguruskan pembaikan kemudahan-kemudahan sosial bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong-lombong telah diterima oleh Kerajaan.

Cadangan-cadangan ini adalah mengenai soal kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja dalam kedua-dua perusahaan tersebut dan juga soal rancangan-rancangan pemilikan-rumah untuk membolehkan pekerja-pekerja mendapat rumah-rumah mereka sendiri. Majikan-majikan dalam perusahaan ini telah bersetuju mengatitkan rancangan-rancangan pemilikan-rumah seberapa banyak yang mungkin, dan adalah diharapkan tidak lama lagi beberapa rancangan perintis akan dapat dilancarkan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dalam lapangan keselamatan sosial sekarang ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial sedang menjalankan kedua-dua Sekim Insuran Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat di 19 pusat di Semenanjung Malaysia. Pusat-pusat ini yang terdiri dari ibu-ibu negeri dan lain-lain bandar yang besar yang mempunyai pemusatan pekerja-pekerja perusahaan. Lebih dari 420,000 pekerja-pekerja dalam kira-kira 14,000 perusahaan telahpun diliputi oleh kedua-dua Sekim tersebut di pusat-pusat ini. Adalah dicadangkan untuk membuat tambahan sebanyak 100,000 pekerja ke dalam kedua-dua Sekim ini apabila 12 pusat lagi ditubuhkan di pertengahan tahun 1974. Pusat-pusat yang baru ini akan terdiri dari bandar-bandar yang lebih kecil seperti

Sungai Petani, Kuala Krai dan Temerloh, di mana perusahaan-perusahaan telah ataupun sedang didirikan.

Pertubuhan ini telahpun mengambil langkah-langkah untuk memulakan Sekim Insuran Bencana Pekerjaan di Kota Kinabalu dan Kuching sebagai projek printis. Pendaftaran pekerja-pekerja di sana telahpun selesai baru-baru ini dan Sekim ini dijadualkan untuk dilancarkan pada 1 haribulan Mac, 1974. Pertubuhan ini juga akan memperluaskan Sekim ini ke bandar-bandar lain di Sabah dan Sarawak secepat mungkin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai pada 1 haribulan Januari, 1974, Sekim yang kedua—Sekim Pencen Ilat, adalah sedang dijalankan di kesemua 19 pusat yang telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia. Oleh itu bermula pada Januari tahun ini setiap orang yang diliputi Insuran ini adalah dilindungi, bukan sahaja dari bencana pekerjaan tetapi juga bencana ilat. Oleh yang demikian, tahun 1974 merupakan satu kejayaan dalam Kerajaan untuk memperbaiki lagi perlindungan keselamatan sosial bagi pekerja-pekerja di negeri ini.

Kementerian saya sedar bahawa kebanyakan dari mereka yang dilindungi oleh Sekim Keselamatan Sosial pada masa ini adalah pekerja-pekerja perusahaan. Pada peringkat permulaan, ini tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab teknik dan pentadbiran. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa keselamatan sosial adalah sebuah sekim sumbangan di mana samada majikan-majikan atau kedua-dua majikan dan pekerjanya adalah dikehendaki membuat caruman bulanan. Walau bagaimanapun, pertubuhan ini tidak mengenyepikan akan keperluan untuk mencari jalan-jalan dan cara-cara bagi mengadakan sekim yang sama dan kemudahan-kemudahan lain bagi pekerja-pekerja pertanian dan nelayan-nelayan. Untuk tujuan ini, sebuah Jawatankuasa Bertugas (Task Force) telah dibentuk untuk menyelidik perkara ini dan dengan tujuan membuat cadangan-cadangan yang sewajarnya pada Kerajaan.

Dua lagi cawangan Jabatan Kilang dan Jentera telah dibuka pada pertengahan tahun 1973 di Kota Kinabalu dan Kuching, dan kakitangan-kakitangan perkeraniannya yang

perlu telah diambil dan pada masa ini diselenggarakan oleh dua orang Pembantu Teknik yang berpengalaman yang telah ditukarkan dari Semenanjung Malaysia hingga tiba masanya apabila ahli-ahli profesyenal dan separuh profesyenal tempatan boleh didapati untuk mengambil alih. Walaupun pejabat-pejabat itu telah dimulakan di kedua-dua tempat, jabatan ini hanya menjalankan rancangan pengenalan mengenai kehendak-kehendak Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya untuk tuan-punya dan pengusaha-pengusaha kilang dan jentera di Sabah dan Sarawak. Penguatkuasaan Akta ini adalah dijangka dimulakan pada pertengahan tahun 1974 apabila tujuan dan kehendak Akta tersebut difahami dengan sepenuhnya dan boleh dipatuhi oleh tuan-punya dan pengusaha kilang-kilang dan jentera di kedua-dua negeri.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerja-kerja perhubungan perusahaan di Kementerian saya bertambah dengan pesatnya pada tahun 1973 disebabkan oleh cepatnya perkembangan pergerakan perusahaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan terus menjalankan dasar perhubungan perusahaannya yang terdapat pada hari ini yang pada asasnya berdasarkan pada konsep sukarela dan bertujuan menambah dan menjaga bukan sahaja kepentingan kedua-dua pihak dalam perusahaan tetapi juga kebaikan negara keseluruhannya supaya tercapai objektif-objektif yang dinyatakan di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk membentuk sebuah masyarakat yang adil dan masyarakat Malaysia yang berjaya. Oleh itu pelaksanaan dasar perhubungan perusahaan ini dalam konteks objektif negara memerlukan usaha dan kerjasama yang lebih dari semua yang berkenaan iaitu majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan Kerajaan.

Perbekalan juga dipohon dalam tahun 1974 untuk menubuhkan Pejabat-pejabat Perhubungan yang baru di Taiping dan Muar bukan sahaja untuk mengatasi bertambahnya bebankerja yang disebabkan oleh perkembangan perusahaan dalam negeri ini tetapi juga untuk memberi jentera yang lebih berkesan di peringkat tempatan.

Mengenai kesatuan sekerja, saya sukacita memaklumkan sekarang ini terdapat pendapat umum bahawa gerakan kesatuan

sekerja mesti menyesuaikan diri mereka untuk menerima cabaran-cabaran perubahan yang besar yang disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Dalam soal ini, pindaan yang baru kepada Ordinan Kesatuan Sekerja yang membenarkan kesatuan sekerja menanam modal dari kumpulan wang mereka yang lebih di dalam usaha-usaha ekonomi telah memberi mereka peluang yang lebih untuk menerima cabaran-cabaran tersebut. Dengan ini adalah diharapkan supaya kesatuan sekerja dengan kemampuan kewangannya, pengalaman menyusun dan kemahiran dalam pertukangan yang ahli-ahlinya tahu, akan memasuki usaha-usaha ekonomi yang berfaedah supaya mengadakan lebih lagi peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Pengerusi, Penekanan terus akan diberi kepada rancangan-rancangan tenaga rakyat dan gerakan-gerakan latihan perusahaan dalam tahun ini. Perkhidmatan Penerangan Pasar Buruh di Kementerian saya bersama-sama dengan lain-lain badan Kerajaan yang berkenaan telah bersama-sama melancarkan satu kajian tenaga manusia di seluruh negara yang meliputi kedua-dua sektor swasta dan sektor awam.

Hasil permulaan kajian tersebut adalah dijangka didapati pada awal tahun 1974.

Langkah-langkah juga telah diambil untuk membuat projeksi jangka pendek mengenai lepasan-lepasan sekolah yang memasuki pasar buruh. Ini akan membolehkan penilaian dibuat bagaimana keadaan pekerjaan/pengangguran dalam berbagai lapangan akan berkembang pada masa hadapan. Projeksi-projeksi ini adalah berguna untuk tujuan memutuskan dasar-dasar tenaga rakyat dan langkah-langkah yang perlu diambil seperti mengadakan pekerjaan dengan serta-merta, latihan, pemindahan buruh dan perkhidmatan-perkhidmatan penempatan dalam konteks penambahan pekerjaan dan dasar-dasar mengatasi pengangguran.

Latihan perusahaan di berbagai peringkat dan kemahiran akan terus diberi di Institiut Latihan Perusahaan di Kuala Lumpur dan Prai untuk menyediakan kemahiran perusahaan asas bagi penganggur-penganggur dan untuk membaiki taraf kemahiran tenaga buruh. Penggunaan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Institiut Latihan Perusahaan di Kuala Lumpur dengan sepenuhnya sedang di-

laksanakan. Pada masa ini Kursus-kursus Persediaan Ketukangan, Rancangan Perawatan Negara, Kursus Meninggikan Kemahiran, Latihan Pengajar Perusahaan dan Ketukangan dan Kursus Penyesuaian Khas sesuatu Keperluan sedang dijalankan di Institiut Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur. Enam belas jenis kemahiran yang berlainan sedang dijalankan untuk pelatih-pelatih yang menjalankan Kursus Persediaan Ketukangan, sementara 18 Kursus-kursus sedang dijalankan untuk perintis di bawah Sekim Perantis Negara.

Gerakan-gerakan latihan telah dijalankan secara sederhana di Institiut Latihan Perusahaan Prai dengan pengambilan 150 pelatih pada tahun lepas dan adalah diharapkan untuk mengambil sebanyak 300 pelatih bagi tahun 1974. Latihan perusahaan akan diperkembangkan dan dipergiatkan dengan lebih lagi dari masa ke semasa untuk memenuhi permintaan. Perbekalan dalam tahun 1974 adalah diperlukan untuk menyelesaikan baki perbelanjaan pembinaan dan perbelanjaan tertentu.

Dalam usaha-usahanya yang berterusan di bawah arahan Lembaga Latihan Perusahaan dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan untuk membekalkan negara dengan perkhidmatan latihan yang lebih luas dan berkesan Bahagian Latihan di bawah Kementerian saya telah menghasilkan beberapa cadangan baru yang akan mempunyai kesan besar dalam menambahkan perkembangan objektif-objektif Rancangan Malaysia Kedua. Satu kajian semula Sekim Perantis Negara akan dijalankan untuk menentukan supaya masa latihan dikurangkan ke paras paling minima yang sesuai dengan keperluan perusahaan-perusahaan mengikut peringkat-peringkat kemahiran yang diperlukan.

Gerakan Latihan Pengajar akan diperkembangkan untuk memenuhi kehendak yang bertambah lagi bagi latihan-latihan dan meninggikan kemahiran pengajar-pengajar Vokesyenal. Kementerian saya sedar dengan sepenuhnya akan kurangnya agensi-agensi latihan perusahaan dalam negeri dan kajian-kajian kemungkinan telah dijalankan dengan tujuan mendirikan lebih lagi institiut-institiut latihan perusahaan untuk memenuhi keperluan bagi tenaga mahir dan separuh mahir dalam negeri ini.

Hasil usaha Perkhidmatan Pekerjaan dalam tahun 1973 adalah membanggakan, dari Januari hingga November, 1973 perkhidmatan perusahaan mendapati pekerjaan bagi 37,366 orang berbanding dengan 30,233 orang dalam jangka masa yang sama dalam tahun 1972. Dalam gerakan penempatan, perkhidmatan tersebut memainkan peranan penting dalam penyusunan semula dan mewujudkan satu tenaga buruh yang seimbang mengikut kaum sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengusulkan supaya Dewan ini meluluskan perbekalan di bawah Kepala Bekalan B. 41 bagi Kementerian saya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, recently the Prime Minister, while on a visit to Johore Bahru, directed a study on the low wages being paid to workers.

Workers in Malaysia, especially in factories in the new industrial estates, are paid atrociously low wages, at the daily rate of \$1.50 to \$2 a day. This clearly cannot enable them to live in minimal dignity and decency.

When introducing the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, the Prime Minister asked the workers and managements to work together with the Government as "partners of development" to make the Second Malaysia Plan a success.

If the workers are to be partners, and not slaves of development, then they must stop being exploited by the local and foreign capitalists, with the connivance of the Alliance Government.

My colleagues and I in the D.A.P. have in this Chamber and outside many a time called for the introduction of minimum wage legislation to ensure that workers are paid at least subsistence wages, which can permit them and their dependants to enjoy the basic human needs of food, clothing, housing and schooling. The Government however has flatly refused to consider the question of minimum wage legislation.

Thus on 3rd December last year, in reply to a question by my colleague, the Member of Parliament for Seremban Timur, the Minister of Labour and Manpower said that wages and conditions of employment were generally worked out through collective bargaining, and the Government encouraged both employers and workers to be adequately organised.

Workers in industrial sectors where there is a machinery for collective bargaining and where the workers are organised do not need minimum wage legislation. But the majority of the work force are not organised, and it is in these areas of industrial employment, where there is no collective bargaining worth its name, that minimum wage legislation is necessary to protect the workers interests. Otherwise they will continue to be exploited by the managements, for being weak and unorganised they will be forced to accept wages and conditions of employment dictated by the local and foreign capitalists.

The reason that the Minister of Labour and Manpower has given for opposing minimum wage legislation is therefore no reason at all.

So far as I am aware, the Government's refusal to have minimum wage legislation is not the result of any in-depth study on the subject, but the result of an ingrained aversion characteristic of the employing class to a decent deal for the workers.

Thus, although the Labour Ministry has a Pay Research Unit to collect data pertaining to workers in the private sector to enable the Government to maintain a constant review of the wage structure in the private sector, this Pay Research Unit was never commissioned to put up a paper on this subject of minimum wage legislation.

In order to bring this subject of minimum wage legislation within the ambit of serious consideration with regard to its economic and social desirability and practicability, I suggest the establishment of a Parliamentary Select Committee to make studies and recommendations as to whether Malaysia should have minimum wage legislation. This will put to rest prejudices and bias against minimum wage legislation solely from the capitalist class approach.

Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara diuntukkan sebanyak \$150,000 di bawah Kepala yang sama. Dari jumlah ini \$35,000 ialah untuk membina bangunan tambahan yang akan digunakan sebagai workshop dan Kantin, \$15,000 untuk membekalkan letrik dan air bagi bangunan Pejabat NISIR dan \$100,000 untuk membeli alat-alat makmal dan kelengkapan wokshop.

Di bawah Kepala ini juga Pusat Piawai Malaysia diperuntukkan sebanyak \$600,000 untuk membeli kelengkapan-kelengkapan yang perlu.

Jabatan Kimia mempunyai peruntukan yang berasingan, iaitu, di bawah Kepala B.

43 berjumlah \$2,160,000 untuk perbelanjaan mengurus dan \$430,000 di bawah Kepala P. 43 untuk perbelanjaan pembangunan.

Dari jumlah \$430,000 untuk perbelanjaan pembangunan, \$280,000 ialah bagi menyiapkan sebuah makmal cawangan di Ipoh. Binaan makmal baru ini dimulai dalam tahun 1973 dan dijadualkan siap dalam tahun 1974.

Bakinya sebanyak \$150,000 akan digunakan untuk membayar harga tanah tapak sebuah makmal baru di Kota Kinabalu.

Oleh kerana keterangan yang perlu ada terkandung di dalam dokumen-dokumen berkenaan maka saya tidak fikir mustahak diberi penjelasan yang lanjut.

6.19 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, the years of neglect where the new villagers are concerned has now resulted in the serious deteriorating security position in all the new villages in this country. This is most unfortunate, Sir, and is one more illustration of the importance of ensuring that the benefits of economic progress in this country are equally spread out throughout the whole country; we cannot afford anywhere, any segment of the society being left out because it will come back at us. It will come back at us with a vengeance and we will have to pay a high price for it.

The figures which are now shown here, the few million dollars that are going to be put for grants for projects in new villages and so on is good, Sir, but it is a case of too little too late and I hope we will all draw a lesson from this. In all our deliberations, no sector, no segment of our population or our economy can be neglected or overlooked. There has got to be a simultaneous, overall, comprehensive solution to all the problems in our country. Whilst we touch on the new villages it will be well if the Minister in charge or the other Ministers in charge will concentrate also on the development of the kampungs in the rural areas because if the security position in those areas also deteriorate then I am afraid we are going to have a very difficult time indeed.

So it is important that these projects in the new villages should now be implemented very effectively and vigorously and I would suggest to the Minister concerned and he has got a most unenviable job, that he should draw up very quickly like something similar to the Red Book which was done before by the Government under the First Malaysia Plan for all the new villages in this country. Everyone of them has got to be fully studied, surveyed, the needs of each one of these carefully tabulated and if a solution cannot be found, the needs of all these people cannot be met immediately, then he must see to it that these needs are met over a period of time and the people there are told how and when these things are going to be done so that a sense of hope would continue, that the democratic process is still viable and no time can be lost in this regard because we do not want to have 750,000 disenchanting and alienated new villagers in this country. So, I wish the Minister "Good Luck" indeed in his unenviable job.

Now, Sir, on the question of Science and Technology, it is very well to set up a Ministry of Science and Technology but unfortunately up to-date there has been very little to show for our technological or scientific efforts and just to give one illustration of it, the Second Malaysia Plan emphasised the importance of science and technology and yet when it comes to actually giving money to the University of Science in Penang, the first University of Science that has been set up to train more technologists and scientists—we need about 600 town planners in the country—engineers, architects and so on the technical men and the scientific men—it is the only University of all the Universities, but the money is not made completely available to the University of Science. The Minister may say that this is not his responsibility but it comes under the portfolio of Science and Technology and I would hope that he would use his utmost effort to persuade his colleague the Minister of Education that the oversight be attended to and that the University of Science in Penang gets all the money it needs to produce those scientists and technologists that we require.

Then, Sir, on the question of research, pollution is a serious problem. What scientific research has the Ministry of Science

and Technology undertaken in this respect? The second question is, if the research had been undertaken, what steps are being implemented to ensure that the pollution which we now face even for a small city like Kuala Lumpur and for a small place like Petaling Jaya is adequately solved. There was a report today in the *Malay Mail* about the Subang Airport, that there is a smell from one of the factories which goes right up to the Subang Airport and this is the state of affairs that we have got. If you wake up early in the morning, go over to Petaling Hill and have a look at Petaling Jaya you will see a thick ball of smoke which covers the whole of Petaling Jaya, Klang and Kuala Lumpur. The whole of the Klang Valley is covered by a thick ball of smoke. Now, what is the Minister going to do about that one and what about the pollution which has occurred in Rawang, the smoke that comes out from the cement factory? We have been talking about it for years. Will the Minister now ensure that pollution be adequately tackled by the scientists and technologists in his Department?

6.28 *ptg.*

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Datuk Pengerusi, 25 years ago when we faced the Emergency the establishment of the new villages had been a solution to bring improvement towards the security situation of this country and with the establishment of the new villages throughout the length and breadth of the country the Emergency situation improved and eventually came to an end. For 25 years the new villagers who were suddenly transplanted in these villages have been passing through a long period of suffering but they gave opportunity to this country and to the administration to bring an end to the Emergency. For 25 years the people living in the new villages have suffered. After this long period the problems of the people living in the new villages would be a question which the country has to bear with because of the negligence of the Government so far, that is to say, when people had been pushed to the new villages the Government was able to control the security situation of this country. That was with the understanding that after the people have been pushed into these new villages the Government would be able to solve the very problems which they had created and today

there has been 25 years negligence and I am sure the 900,000 new villagers in this country are already fed up and have given up hope that the Government is doing something for them.

Firstly, Sir, I would refer to page 344. We will see the grant for the projects in new villages for the year 1974 which is \$3 million.

Mr Chairman, Sir, if we compare this amount of \$3 million with the provisions for other Ministries like the Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa which has got \$221 million and the Kementerian Kemajuan Tanah which has got \$244 million, this amount for the new villages is hardly any amount of money which is considered to be material to the improvement of the life and the well being of the new villages. I would say, therefore, that the establishment of this Ministry to look after the new villagers is meaningless.

Last year, Tuan Pengerusi, when the appointment of a Minister to this Ministry was made, I remember from the Press reports that a promise was made that in due course he would make a blueprint of how to uplift the life and the standard of living in the new villages. But months have passed, and I do not see any sort of progress arising from this announcement. Therefore, I would urge the Minister that if his Ministry has ever function to do something for the new villages, it is now time that he should propose either in this House or outside this House that in what way, when and how he could bring about the improvement of the new villages.

In this respect, Sir, I would also like to ask whether the Minister could present studies on the new villages that is after 25 years the population explosion and the changes of occupations in the surrounding areas supporting the survival of the new villages and so on and so forth. For instance, even 25 years ago, the people had to live in confined areas as we can see in the new villages throughout the country. As it is, they are not self-contained and they could hardly survive. Therefore, taking into consideration of the new villages problem, the people must go out of the new villages either to the rubber plantations, to the oil palm plantations or to the padi fields or to the gardening or to go

out of the new villages to look for jobs either in the townships or in the cities. Therefore, on question of restructuring the livelihood in new villages, this question of the industries or the agricultural supporting factors for the new villages must be considered.

Sir, coming to the new villages which are surrounding our national capital of Kuala Lumpur we understand that the land around these new villages has been very much less and the people in the new villages mainly depend on going out to the city of Kuala Lumpur to work or to set up cottage industries in order to survive. Tuan Pengerusi, I would urge the Minister to liaise with other Ministries if possible to increase the new village boundaries so that the cottage industries and especially the light industries and other minor industries could be set up, because if there is no land, then these new villagers will start turning their own houses into factories thereby they are not only causing nuisance to their neighbours but their action is also detrimental to the health at the same time they are not allowed to do so, within the law of this country. They will get summons from the authorities either from Health Department or from the Machinery Department and what not.

Lastly, Sir, I would present a case in Serdang. The Serdang New Village is the second largest new village in this country and besides that, there are about 2,000 acres of rubber estates which have now been acquired by MARDI and the Universiti Pertanian in Serdang and among these 2,000 acres of rubber estates, some 300 households living in the Serdang New Village are involved. Sir, the question is in the surrounding areas also there are also large foreign-owned rubber estates and they are left untouched, and I do not know why the authorities like MARDI, and the Universiti Pertanian try their hands on these smallholders' rubber estates. Why can't they ask the bigger rubber estates to surrender or why can't you acquire some of the proportions of their estates, so that it will not pose such a serious problem? So, I hope the Minister could investigate this. If the MARDI and the University Pertanian were to insist on acquiring this land, then I think he could use his good offices to acquire or to fight for an alternative site to replace these acquired rubber estates. Thank you very much.

6.37 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas permintaan perbelanjaan dalam Kepala B. 42 dan P. 42. Saya hendak bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan New Village atau Kampung Baru.

Saya fikir, New Village ini sudah lama sangat jadi New Village, suku abad lamanya, 25 tahun. New Village ini saya fikir bukanlah Kampung Baru tetapi Kampung Lama. Jadi bagaimana hendak membezakan antara Kampung Baru dengan Kampung Lama kerana umurnya sudah suku abad. Kalau misalnya seorang laki-laki sudah kahwin, beranak. Begitu juga kalau perempuan barangkali sudah dekat bercucu, dipanggil lagi New Village. Sepatutnya ini tidak ada beza lagi di antara Kampung Baru dan Kampung Lama. Kalau begitu baik kita katakan Kampung Baru dan Kampung Lama sahaja. Kampung Lama yang ada dusun di tengah-tengah dan sebagainya, Kampung Baru adalah yang berkawat duri. Tetapi sekarang kawat durinya pun tidak ada, dharurat sudah habis, mereka yang duduk di New Village sudah keluar ke bandar-bandar dan bekerja. Saya rasa dalam tahun ini boleh dipanggil New Village, tetapi pada tahun yang akan datang, saya harap nama New Village ditukarkan kepada Kampung sahaja, misalnya Kampung Sungai Chua—habis. Sekarang ini Sungai Chua New Village, nampak sangat New Village ini sampai bila-bila New Village juga.

Tadi pihak Pembangkang ada menyatakan penduduk New Village suffered during the emergency period. Yang saya tahu di waktu dharurat dahulu, orang-orang Kampung Lama itu dan Kampung Baru juga masing-masing ada sekatan makanan dan sebagainya, tetapi di New Village mendapat layanan Kerajaan lebih lagi kepada New Village di waktu dharurat dahulu. Apa sebabnya? Hendak menarik hati orang New Village, diberi jalan, ditarkan jalan itu, diberi parit, diberi sekolah dan sebagainya. Pada masa itu, saya masih lagi menjadi Penolong Pegawai Daerah iaitu pada tahun 1951, 1952 dan 1953. Saya tahu penjajah pada masa itu diberinya segala-gala kepada New Village. Pada waktu itu, saya sendiri berasa apa fasal Old Village tidak diberi. Sungai Chua misalnya, Sungai Chua terdedah begitu sahaja, langsung tidak

ada apa-apa diberinya. Jalan pun jalan tanah, paip air tidak ada, apa pun tidak ada. Tetapi New Village di Rawang ada letrik ada jalan baik, ada sekolah dan sebagainya. Ini adalah cakap-cakap sahaja dan saya fikir bukan negligence of the Government, tidak ada langsung, oleh kerana New Village diberi layanan-layanan macammana village yang lain begitu juga diberi layanan-layanan kepada New Village ini. Macam di Pahang kalau kita hendak menengok di Pahang macammana riverine kampung di Pahang, kehidupan orang-orang sana lebih-lebih meleset, lebih susah, tidak ada jalan, sungai itulah yang diikuti oleh manusia di sana. Saya fikir ini tidak betullah kalau katakan they suffered tetapi satu daripada perkara yang saya hendak menegaskan kepada Kerajaan terutama sekali kepada Kementerian yang bertanggungjawab iaitu orang-orang ini hendak mempunyai tanah yang ada sekarang ini, ini mesti disegerakan mendapat geran, lease atau sebagainya. Ini memanglah sebab sudah 25 tahun sudah jadi kampung lama tetapi keluaran gerannya tidak ada lagi, masih lagi T.O.L. banyaknya masih lagi T.O.L. Kadang-kadang dalam satu lot itu 3-4 nama orang. Ini terjadi di Sungai Chua cukup banyak begini, lotnya satu tetapi 3-4 orang, ada suratnya, suratnya T.O.L. itu kepada 3-4 orang. Jadi orang itu nanti bergaduh di antara satu sama lain, ini mesti diselesaikan dengan seberapa segera terutama sekali di Sungai Chua.

Selain daripada itu, saya minta kepada Kerajaan menengok New Village ini betul-betul dan segala yang dikehendaki sekarang oleh kerana ada jalan, ada sekolah, ada segala-galanya dimintakan iaitu yang mana tidak ada, itu sebab saya percaya yang 3 juta ini untuk yang tidak ada pada tahun ini umpamanya diberi badminton court, basket ball, itu sahaja yang tidak ada.

Itulah sahaja barangkali Kerajaan beri kepada mereka ataupun belum ada berjalan, ada di belakang-belakang back lane-nya tidak ada jalan diberi jalan, ini sahaja yang saya tahu oleh kerana masa saya melawat ke New Village ini sahaja yang mereka minta, bukan macam gambaran yang ditunjuk-tunjukkan oleh pihak-pihak Pembangkang.

Selain daripada itu berkenaan dengan Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaannya Negara. Zaman perubahan, zaman

moden, orang sudah pergi ke bulan dan daripada bulan sudah pergi ke Mars, tetapi kebanyakan daripada pegawai-pegawai, jurutera-jurutera kita kebanyakan-nyalah, ada setengah-tengahnya pula, mereka ini memikirkan masa penjajahan dahulu, barang-barang yang hendak digunakan macam barang orang putih juga, hendakkan standard betul-betul mengikut penjajahan. Sebab apa penjajahan hendak dahulu, sebab hendakkan barang-barang itu mestilah daripada England belaka. Pada hari inipun kita hendak mengikutkan cara itu. Maka oleh kerana ada satu research kita ada satu pusat yang dinamakan SIM dan trade mark SIM ini akan dipakai, maka saya harap kepada jurutera-jurutera (engineers) yang bertanggungjawab ini gunakan barang buatan Malaysia yang standard ada SIM trade mark, kalau tidak berguna kita mengadakan satu Institiut SIM ini, tetapi tidak dipakai oleh jurutera-jurutera. Town Board mengatakan ini tidak boleh, Bandaraya kata tidak boleh, P.W.D. kata tidak boleh, ada yang mengatakan ini tidak boleh, jadi sudah terpesong. Ini kata boleh, SIM kata ini Malaysian Standard—boleh pakai, yang engineer kata tidak boleh. Jadi macamlah masa Jepun dulu; yang engineer ini kata boleh, yang engineer sana kata tidak boleh. Kalau begitu baiklah SIM ini ditutup sahaja.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak bercakap panjang di atas lain-lain perkara melainkan saya adalah memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya di atas permohonan untuk perbelanjaan bagi Kementerian ini dan saya harap berkenaan dengan New Village ini atau kampung-kampung ini ditengokkan, dilayan dengan sebenar-benarnya memikirkan Kerajaan bahawa oleh kerana yang banyak tinggal di New Villages ini adalah orang Cina dan dengan sebab itu untuk menarik perhatian orang Cina supaya dapat mengundi mereka pada pilihanraya yang akan datang, maka diburuk-burukkan Kerajaan Perikatan supaya dapat lebih banyak undi nanti kepada mereka. Yang sebenarnya macammana Kerajaan melayan kepada kampung-kampung yang lain begitulah Kerajaan layan kepada New Villages ini. Terima kasih.

6.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Mr Chairman, it is more than two years since the Honourable Prime Minister appointed a Minister specially charged with new village development in order to make up for the two decades of social and economic neglect. But I think it is time to ask that, while more than two years have passed and while in this period two politicians have benefited by becoming Ministers, what have the 900,000 new villagers in the country benefited in the last two years? When the first appointment was made the new villagers had hoped that at last there was going to be radical changes in their lives, that their economic position was going to be better, that jobs were going to be created, land was going to be given and homes were going to be built for the landless, for the jobless and for the homeless in the new villages. But let the Minister tell the House in the last twenty-four months whether he can say in all conscience that the new villagers in the country have benefited in any degree, in one iota in terms of economic benefits, in terms of better amenities, in terms of better educational facilities and in terms of land allocation. Up to now if we are not mistaken, the Minister is still bogged with the problem of granting titles to new villagers for land which they occupied twenty years ago and in the last twenty years the population in the new villages have already doubled and what the Minister should be preoccupied now is in terms of giving out more land for the new landless new villagers, but now he is trying to request that the land which they occupied twenty years ago be given sixty years titles or thirty years title. This is very far backwards.

I had asked the Minister when he was appointed whether there is a blueprint for new village upliftment and at that time he was a Special Functions Minister who said it was up to the Prime Minister. Now that he is a full Minister on his own right, I would like to know whether he intends to have a master blueprint which can spell out the means and the ways whereby the 450 new villages in the country are going to be improved economically, socially, and educationally. So we now and then see in the Press the deteriorating security situation in the new villages being brought into the focus of public attention. Barbed wires are

being put up sometime ago in Tanah Hitam and other new villages in order to be able to handle the security problems.

I submit, Tuan Pengerusi, that it is no use putting up barbed wires to contain and confine new villages if you do not tear away the "barbed-wires" that you have put in the hearts and minds of the people, because you have not given them an equitable deal in terms of land, not only in terms of giving titles to land that they have occupied 20 years ago, but in terms of giving them land for the new generation who were born in the new villages and in terms of job creation. Where is the dispersal of industries? We have heard about the dispersal of industries to the rural areas. Has the Minister any plans? Has the Minister any idea as to whether any industries are being dispersed to the new villages? We are not interested in terms of what happened before his tenure. We are interested in what happens during his tenure in the coming months and years ahead, whether there are any concrete plans and if there are concrete plans, then let us have them; if he cannot let us have them, that means there are no concrete plans, which means he is more pre-occupied in the drawing up of a blueprint for his own political survival than for the national interest, for the interest of the 900,000 new villagers.

I submit that the allocation that has been given for the new village upliftment is a paltry figure and it shows that the Ministry is just a "red herring" to mislead the people into believing that the Government is going to do something without doing anything. I hope that a new attitude to the whole problem of solving the grievances, of meeting the aspirations of the new villagers—two generations already of new villagers—will be tackled with sincerity, with honesty, which means there must be many times more funds than what is now being allocated to the Ministry. Thank you very much.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

6.45 ptg.

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan iaitu peruntukan \$3 juta itu ialah seperti saya katakan tadi untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam projek-projek kecil di Kampung-kampung

Baru. Ini bukan bermakna bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan di lain-lain Kementerian tidak menjalankan tugas mereka, umpamanya di lapangan kesihatan, kelinik-kelinik telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam soal tanah, banyak tanah telah diberi kepada penduduk-penduduk dalam ganda dan lebih luas tanah dikehendaki, masih belum memuaskan dan Kementerian saya sedang berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemberian geran tanah yang diduduki oleh penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru. Oleh kerana penduduk di Kampung-kampung Baru telah bertambah berkali-kali ganda dan lebih luas tanah dikehendaki, Kementerian saya sedang berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan aspek itu, bagaimanakah kita hendak meluaskan atau memperbanyakkan tapak-tapak perumahan dalam Kampung-kampung Baru.

Saya ingin komen sedikit berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bangsar iaitu Grant untuk Universiti Sains. Sebagaimana beliau sendiri sedar bahawa tajuk itu adalah di bawah Kementerian Pelajaran, sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu bertanya apabia kita membincangkan belanjawan Kementerian Pelajaran.

Berkenaan pollution, ini adalah tanggung-jawab rakan saya iaitu Menteri Tugas-tugas Khas, dan baru-baru ini Parlimen telah meluluskan suatu undang-undang supaya Kerajaan dapat kuasa mengawal keadaan pollution. Saya percaya sahabat saya sedang mengkaji bagaimana hendak mengawal pollution.

Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, dan pandangan-pandangan yang diberi oleh beliau saya akan ambil perhatian dan akan menimbangkannya.

Berkenaan blue print yang telah dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini saya telah jawab. Soal berkenaan dengan blueprint soal berkenaan dengan tanah, soal berkenaan dengan cottage industry, peluang pekerjaan dan sebagainya saya telah jawab dalam masa soal-jawab beberapa kali dalam Parlimen ini. Saya tidak ingin lagi membuang masa Ahli Yang

Berhormat mengulangi sekali lagi jawapan saya. Dengan itu, saya tamatkan jawapan saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,412,300 untuk Kepala B. 42 dan \$2,160,000 untuk Kepala B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$3,750,000 untuk Kepala P. 42 dan \$430,000 untuk Kepala P. 43 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

6.50 ptg.

Kepala B. 44 hingga B. 49, P. 44, P. 47 dan P. 49—

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon menerangkan secara ringkas mengenai Anggaran Belanjawan Tahun 1974 bagi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Kepala 44) dan bagi Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab saya iaitu Perancang Bandar dan Kampung (Kepala 45), Perkhidmatan Bomba (Kepala 46), Arkib dan Perpustakaan Negara (Kepala 47), Pertahanan Awam (Kepala 48) dan Percetakan (Kepala 49).

I. Kepala Bekalan B. 44—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Tuan Pengerusi, jumlah Anggaran sebanyak \$715,500 di bawah Kepala Bekalan B. 44 untuk tahun 1974 menunjukkan kekurangan sebanyak \$2,425,500 berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 1973. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh pemindahan butiran (3) dan (4) Pecahan-kepala 4100 iaitu Pemberian Subsidi dan Carum-carum untuk Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR) dan Pusat Piawai Malaysia (S.I.M.) yang telah dipindahkan kepada Kepala B. 42—Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baharu.

Kelebihan-kelebihan walau bagaimanapun terdapat pada Pecahan-pecahan Kepala 1100—1300, 2100, 2400, 2700, 2800 dan 3100. Kelebihan ini adalah akibat daripada tambahan kakitangan dan perkhidmatan dan bekalan kerana pemindahan Bahagian Perumahan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri daripada Kepala 29 ke Kepala 44

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan serta pembelian sebuah kereta bagi Kementerian ini.

Kepala Pembangunan P. 44

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1974 di bawah Kepala P. 44 dianggarkan berjumlah \$33,380,030 terbahagi kepada:

Ibu Pejabat Kementerian ...	\$ 150,000
Bahagian Perumahan ...	28,750,020
Bandaraya Kuala Lumpur ...	3,350,000
Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang ...	600,000
Majlis Perbandaran Ipoh ...	30,010
Majlis Perbandaran Melaka	500,000
	<hr/>
	\$33,380,030

Jumlah \$33,380,030 ini menunjukkan kelebihan sebanyak \$28,129,990 daripada peruntukan bagi tahun 1973.

Di bawah tajuk Ibu Pejabat, Anggaran berjumlah \$150,000 ialah pemberian untuk projek-projek di kawasan Bandar-bandar Majlis Tempatan.

Pada masa ini Kementerian saya sedang giat menjalankan usaha-usaha untuk menyusun semula penguasa-penguasa tempatan, lanjutan daripada lulusnya Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan Sementara) 1973. Rang Undang-undang ini melengkapi penyatuan dua atau lebih penguasa tempatan menjadikannya satu unit yang lebih besar dan lebih viable, dan dengan itu dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang ini sedang dalam proses menyediakan rancangan-rancangan mereka untuk menyatukan penguasa-penguasa tempatan dengan Kementerian saya dan Suruhanjaya Pilihanraya.

Kementerian saya pada masa ini sedang merangka satu Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan untuk menggantikan bermacam-macam undang-undang yang sekarang sedang berkuatkuasa di penguasa-penguasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Satu Rang Undang-undang Perancangan Negara dan Rang Undang-undang Jalan Raya, Pamaritan dan Bangunan sedang juga disiapkan. Saya harap kesemuanya Rang Undang-undang ini dapat dikemukakan di Persidangan Parlimen yang akan datang.

Merujuk kepada Pecahan-kepala 36, 37, 39, 43, 51, 55 dan 61, kesemuanya adalah merupakan wang pinjaman kepada Majlis-majlis Perbandaran yang mana dengan sendirinya menerangkan maksudnya. Kecuali Dewan ini berkehendakkan saya menghuraikan dengan sepenuhnya, saya tidak akan berbuat demikian. Sejumlah \$3,350,000 adalah diuntukkan bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, \$600,000 untuk Bandaraya George Town Pulau Pinang, \$30,010 untuk Majlis Perbandaran Melaka. Jumlah pinjaman yang ditunjukkan dalam anggaran belanjawan ini semuanya pinjaman yang dibayar balik.

Dengan Penyusunan Jumaah Menteri baru-baru ini, Bahagian Perumahan yang dahulunya di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sekarang ini telah diletakkan di bawah Kementerian saya. Kementerian saya sekarang sedang giat melaksanakan rancangan-rancangan perumahan rumah-rumah awam dengan cara memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di bawah Kepala Pembangunan P. 44, Pecahan-kepala 15, peruntukan asal di bawah Rancangan Malaysia Kedua berjumlah \$80.18 juta. Walau bagaimanapun, memandang kepada bertambahnya keperluan perumahan di Semenanjung Malaysia, peruntukan ini telah ditambah kepada \$85,242,000.

Bagi tahun 1974, sebanyak \$20,000,000 telah diminta untuk melaksanakan pembinaan 5,000 yunit rumah murah Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Merujuk Pecahan-pecahan Kepala 16, 18 19 bagi Semenanjung Malaysia, kesemuanya merupakan wang pinjaman kepada Syarikat Kerjasama Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad, Rancangan Perumahan Kampung Baharu Kuala Lumpur dan Syarikat Kerjasama Perumahan Orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai Berhad. Kecuali Dewan ini berkehendakkan saya menghuraikan dengan sepenuhnya, saya tidak akan berbuat demikian.

Pada tahun ini, Peruntukan untuk rancangan perumahan di Sarawak dan Sabah telah dimasukkan di bawah Kepala-kecil 25 dan 31 sebanyak \$3,000,000 dan \$4,500,000.

Untuk pertama kalinya, Kerajaan Negeri Sarawak telah memohon pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk rancangan-rancangan

perumahan. Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak akan bertanggungjawab melaksanakan projek-projek perumahan ini.

Suruhanjaya Perumahan Sabah pula akan bertanggungjawab untuk projek-projek perumahan di Negeri Sabah.

Kementerian saya pada masa ini sedang menyusun semula Bahagian Perumahan dengan harapan menubuhkan satu Jabatan Perumahan Negara, supaya dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam di seluruh negara.

II. Kepala Bekalan B. 45—1,000,000— *Jabatan Perancang Bandar dan Kampung*

Jabatan ini terus menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan giatnya bagi melaksanakan dasar-dasar Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam bidang perancangan kegunaan tanah di peringkat Kebangsaan dan Daerah, kajian-kajian Lebuhraya Timur-Barat dan Johor-Selatan akan diteruskan dalam tahun 1974. Disebabkan adanya rancangan Lebuhraya Timur-Barat, satu kajian akan dijalankan berkaitan dengan pembangunan jangka panjang bagi kawasan-kawasan di utara Semenanjung Malaysia, seperti Kelantan, Ulu Perak, Selatan Kedah dan Seberang Prai.

Jabatan ini juga mengambil peranan utama dalam menyediakan pelan-pelan pembangunan bagi Pahang Tenggara. Kerja-kerja bagi menyediakan pelan-pelan detail di bidang-bidang lain akan diteruskan.

Bahagian Perancang Kawasan Bandar dan Pembangunan Semula telah menjalankan kerja-kerja untuk menyediakan pelan-pelan rancangan kompleks pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta dan membantu dalam persediaan pandangan daratan di kawasan Taman Bunga, memberi bantuan dalam kajian lalulintas di bandar-bandar Taiping, Alor Setar, Johor Bahru, Bandar Baru Jangka dan Petaling Jaya untuk membantu dalam penyediaan pelan-pelan butir bagi bandar-bandar berkenaan. Kajian-kajian ini akan berterusan selama dua-tiga tahun lagi. Pemberian nasihat perancangan kepada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Pertanian juga diteruskan.

Pegawai-pegawai Jabatan ini telah berkhidmat bersama-sama pihak P.K.N.S. bagi menyediakan pelan lengkap Bandar Baru Bangi dan pelan ini sedang giat diselenggarakan.

Bahagian Perancang Luar Bandar terus memberikan perkhidmatan dalam menyediakan pelan-pelan perkampungan bagi kawasan-kawasan FELDA. Dalam tahun 1974 dijangka 15-20 pelan-pelan perkampungan akan disediakan.

Bahagian Latihan dan Penyelidikan akan mempergiatkan lagi "In-service training" bagi pegawai-pegawai teknik di seluruh negeri dan juga Badan-badan Berkanun. Satu kajian "Hierarchy of Centres" dan kajian-kajian tata atur kawasan-kawasan perumahan berhubung dengan alam sekeliling akan dijalankan.

Pada tahun 1974, peruntukan Jabatan ini telah bertambah daripada \$702,000 kepada \$1,000,000. Tambahan ini adalah diperlukan untuk menjamin kejayaan rancangan-rancangan Jabatan ini bagi tahun 1974.

III. *Kepala Bekalan B. 46—\$324,000 dan Kepala Bekalan P. 46—Perkhidmatan Bomba*

Jumlah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba terus giat ke arah mencapai tujuan utamanya iaitu untuk memajukan mutu Perkhidmatan Bomba, pengawalan dan pencegahan kebakaran di seluruh negara.

Kerugian akibat daripada berlakunya kebakaran, di dalam tahun 1973 hingga penghujung bulan November ini, berjumlah \$26,560.00. Kecekapan ahli-ahli Perkhidmatan Bomba diperlukan untuk mengawal dan mencegah kebakaran daripada berlaku, dan ini dapat diperolehi dengan cara memberi latihan yang sempurna. Sebanyak 10 kursus yang berlainan rupa dan corak diadakan di Pusat Latihan Bomba Kuala Kubu tiap-tiap tahun, yang dihadiri oleh pekerja-pekerja Bomba, Tentera, kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja daripada bidang swasta.

Bagi tahun 1974, peruntukan Jabatan ini telah bertambah daripada \$268,000 kepada \$324,000. Sebahagian besar daripada tambahan ini akan digunakan untuk melengkapkan Jabatan ini dengan alat-alatan latihan dan alat-alat pencegah kebakaran dan juga pembinaan bangunan "smoke house" untuk kegunaan latihan bagi ahli-ahli Bomba.

Jumaah ini juga sentiasa dihubungi oleh Badan-badan Kerajaan, Badan-badan Perunding yang masing-masing telah sedar tentang keperluan-keperluan dan kepentingan nasihat pakar Jumaah di atas keperluan dan kehendak-kehendak kebombaan yang baik dan moden bagi keselamatan nyawa dan harta benda.

IV. *Kepala Bekalan 47—\$1,412,000—*

Kepala Pembangunan 47—\$845,000—Arkib dan Perpustakaan Negara

Dalam tahun 1974, perbelanjaan mengurus yang dikehendaki bagi Jabatan ini ialah sebanyak \$1,412,000. Angka ini menunjukkan kelebihan sebanyak \$103,000 daripada peruntukan mengurus tahun lepas. Tambahan yang besar sekali ialah untuk menampung tambahan kakitangan ikhtisas yang telah bertambah daripada 171 dalam tahun 1973 kepada 197 dalam tahun 1974, kerana beban kerja Jabatan ini makin bertambah.

Kerja-kerja pengurusan rekod sedang diteruskan dengan pesat. Jabatan-jabatan dan Badan-badan Perkhidmatan Awam sedar akan kepentingan pengurusan rekod dan mereka telah menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan penuhnya. Jumlah penyelidik yang menggunakan kemudahan-kemudahan Jabatan ini telah bertambah. Pada tahun 1974 lawatan harian penyelidik dijangka akan melebihi 2,000 dan dokumen-dokumen yang dikehendaki untuk rujukan lebih 25,000. Memandang kepada tambahan rekod-rekod yang diterima, kerja pemulihan dan pengawitan bahan-bahan kian bertambah.

Bahan-bahan perolehan Perpustakaan Negara juga telah bertambah menurut kehendak Undang-undang, pembelian hadiah atau pertukaran.

Kerja-kerja pembinaan bangunan pula dijangka akan bermula pada awal tahun 1974. Perbelanjaan sebanyak \$600,000 itu adalah untuk satu peringkat pembinaan bangunan dan perkakas-perkakas yang diperlukan baginya. Daripada jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sejumlah telah digunakan untuk pembelian tanah dan penyediaan tapak bangunan. Selain daripada itu pada tahun 1974, peruntukan sebanyak \$90,000 akan diuntukkan untuk kerja pembinaan bangunan dalam tahun itu.

Peruntukan sebanyak \$150,000 dibuat bagi tahun 1974 sebagai sumbangan atau bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang masih lagi belum menubuhkan Perpustakaan Awam mereka masing-masing. Sebanyak \$5,000 lagi diuntukkan untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan ruang tambahan untuk Pusat Penyimpanan Rekod bagi menempatkan kakitangan Pusat yang telah bertambah, ruang workshop dan stor rekod.

V. Kepala Bekalan B. 48—\$888,000—Pertahanan Awam

Peruntukan Gaji Jabatan ini telah bertambah sebanyak \$455 untuk kenaikan gaji tahunan sahaja tanpa tambahan jawatan.

Peruntukan bagi lain-lain perbelanjaan bagi tahun 1974 telah bertambah sebanyak \$27,545. Sebahagian besar daripada tambahan ini ialah diuntukkan bagi pembelian 5 buah Land Rover sebagai menggantikan kenderaan-kenderaan yang lama dan tidak boleh digunakan lagi.

VI. Kepala Bekalan B. 49—\$8,243,330 dan Kepala Pembangunan P. 49—\$2,385,010—Jabatan Percetakan

Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$8,243,330 bagi tahun 1974 menunjukkan tambahan sebanyak \$1,291,330. Tambahan ini termasuk tambahan untuk 78 jawatan-jawatan tambahan baru bagi pekerja-pekerja perusahaan dan buruh kasar tetap bagi Jabatan Percetakan Malaysia Barat.

Anggaran Pembangunan juga menunjukkan tambahan. Tambahan ini adalah untuk pembelian mesin-mesin pencetak danengkapan untuk menggantikan mesin-mesin yang lama dan tidak lagi ekonomik.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya anggaran-anggaran peruntukan bagi Kementerian saya di bawah kepala-kepala berkenaan diluluskan.

7.24 mlm.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, I would like to touch on Kepala B. 45, Sub-head 1100, item (2) on National and Regional Planning. First of all, Sir, let me congratulate the Government on the very extensive national and regional planning efforts which have been made up-

to-date and it is a source of considerable satisfaction that though a small country, there is more regional planning in Malaysia than in many of the other bigger and advanced countries of the world. Having said that, Sir, let me point out that some of the regional planning studies which have been made by supposedly international experts recruited for the job have been rather disappointing not only in respect of the contents reports but also in the manner in which these studies have been made.

Sir, where the contents of the reports are concerned, a lot of these studies are merely a collection of statistics which have been culled and collected by these foreign experts who come around and they dig out all the facts and statistics from the various Ministries, compile them into a booklet and then submit it to the Government. Well, that is useful up to a point since a lot of these things are scattered all over the place but, as a serious regional effort, it is not good enough and I would urge the Government therefore to be more discriminating, more selective and more perceptive in its choice of future so-called international experts. That is the first point.

The second point, Sir, as a matter of policy, I believe it is wrong that the Government should invariably go to a foreign expert to undertake such a job when we have even now quite a number of local people with considerable experience in both the Government and the private sector who could do a thoroughly competent job. I would suggest, Sir, that in future, it should be the other way round, that is, the local chaps either in the private service or in the Government service should be asked to undertake these studies—give our chaps the opportunity to show what they can do for this country and then let them recruit the foreign consultants should they want to do so. So, that is on national and regional planning.

Then, Sir, when it comes to town planning, where urban areas are concerned, I think there we fall down and the efforts up-to-date have been very disappointing and distressing, in that practically not a single city, not a single town in Malaysia has really been studied in depth and a proper Master Plan prepared for the development of the town and the well-being of the

people in all these towns, Kuala Lumpur, Sir, is a classic example. Now, Sir, I have mentioned the need for a Master Plan for Kuala Lumpur on many occasions and exhorted the Minister to get an up-to-date Master Plan prepared for Kuala Lumpur and the Minister himself has considered that it is necessary that we prepare a first rate Master Plan for our Federal Capital City because of its explosive growth, both in human population and vehicular population, and now under the Second Malaysia Plan there is increasing urbanisation, rural people drifting to Kuala Lumpur as a deliberate Government measure in order to equalise the imbalance in the country. All these things have created a state of explosion in Kuala Lumpur and unless we prepare right away without any more loss of time a first-rate Master Plan for Kuala Lumpur, it will be no exaggeration to say that Kuala Lumpur will choke itself to death.

Now, Sir, this is a daily experience which all of us face—those who go by cars along the Federal Highway or any of the other highways in the Federal Capital; early in the morning going to work or coming back in the evening after work or for those who have to travel by buses, the whole city chokes itself to a desperately slow crawl and

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok selama 5 minit lagi.

Tuan Goh Hock Guan: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.